



MAIWP

LAPORAN TAHUNAN

MAJLIS AGAMA ISLAM
WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)

20 23

Memacu Kegemilangan Ummah



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah,
DKP., DKM., DK., DMN., SSAP., SIMP., DK.(TERENGGANU)., DK.(JOHOR)., SPMJ.,
DKMB.(BRUNEI)., DK.(KEDAH)., DK.(PERLIS)., DK.(PERAK)., DK.(SELANGOR).

Kandungan

iv
LATAR
BELAKANG

01
LAPORAN
PENGERUSI

7
LAPORAN
SETIAUSAHA MAIWP

29
LAPORAN
PEMANGKU
KETUA
PEGAWAI
EKSEKUTIF

81
BARISAN
PENGURUSAN

83
LAPORAN
DAN PENYATA
KEWANGAN

175
ANALISIS
PRESTASI
KEWANGAN

LATAR BELAKANG

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ditubuhkan pada 1 Februari 1974 serentak dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penubuhannya adalah bagi menjaga hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sebelum itu diletakkan di bawah Kerajaan Negeri Selangor.

MAIWP selepas itu turut bertanggungjawab menguruskan hal ehwal Islam di Labuan dan Putrajaya setelah kedua-duanya diumumkan sebagai Wilayah Persekutuan masing-masing pada 16 April 1984 dan 1 Februari 2001.

Penubuhan MAIWP dinyatakan melalui peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505].

Perkara 3(5) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa:

"Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam."

Seksyen 4(1), Akta 505 pula menyatakan:

"Maka hendaklah ada suatu badan yang dikenali sebagai "Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan", untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam."

Bidang kuasa MAIWP pula dijelaskan melalui Seksyen 31, Akta 505 yang menyatakan:

"Majlis hendaklah membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini."

VISI, MISI, SLOGAN



VISI

Peneraju kesejahteraan ummah secara holistik melalui pendekatan lestari



MISI

Mengupayakan pembangunan ekosistem islamik dan sosioekonomi ummah yang strategik



SLOGAN

Memacu Kegemilangan Ummah



OBJEKTIF

- Membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamis dan progresif yang sentiasa mencari keredaan Allah.
- Memupuk keimanan dan mengukuhkan ukhuwah Islamiah dalam kalangan orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan khususnya dan Malaysia amnya bagi mencapai perpaduan ummah.
- Memperbanyakkan usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkaran dalam masyarakat Islam.
- Melaksanakan usaha-usaha menambah harta MAIWP melalui pelaburan dan usaha-usaha halal yang lain bagi faedah umat.



STRATEGI

1. Menyediakan kemudahan pendidikan agama yang secukupnya bagi keperluan umat Islam.
2. Menyediakan kemudahan tempat-tempat beribadat secukupnya bagi keperluan umat Islam.
3. Meluas, meninggikan mutu perkhidmatan dan kebajikan agama.
4. Memperluaskan kegiatan dakwah termasuk membantu dan memandu kegiatan badan-badan dakwah.

NILAI KEBERSAMAAN

MAHABBAH

Budaya kasih sayang sebagai sebuah keluarga, mesra pelanggan dan sikap penuh empati akan menjadi iklim di MAIWP selari dengan teras perkhidmatan utama untuk menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada ummah.

AMANAH

Kami menjunjung tinggi tanggungjawab ummah dan menunaikannya dengan penuh rasa keinsafan.

INTEGRITI

Berkhidmat dengan penuh berintegriti menjadi etika dan tunjang kesungguhan keluarga MAIWP.

WAWASAN

MAIWP berwawasan untuk menjayakan agenda pembangunan negara sekaligus berpandangan jauh bagi mencapai matlamat penting kerajaan dan organisasi.

PRIHATIN

Kami prihatin dan peka dengan persekitaran dan masalah ummah.

AKTIVITI UTAMA

PENGURUSAN ZAKAT

PENGURUSAN WAKAF

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

PEMBANGUNAN HARTANAH


PELABURAN

TERIMAAN SUMBER-SUMBER LAIN
SEPERTI FIDYAH, KAFFARAH,
LUQATAH, WANG TIDAK PATUH
SYARIAH DAN PUSAKA YANG
TERHAK KEPADA MAIWP

CARTA ORGANISASI

SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

MESYUARAT MAIWP







LAPORAN PENGURUSI

► YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Daud
bin Bakar

LAPORAN PENGGERUSI

Sebagai sebuah organisasi yang telah dipertanggungjawabkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, MAIWP meneruskan usahanya untuk berada di puncak kecemerlangan dengan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program yang berteraskan kebajikan dan sosio-ekonomi kepada masyarakat Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

**YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Daud
bin Bakar**

Assalamu'alaikum W.B.T.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, segala puji bagi Allah S.W.T, Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan para sahabat baginda serta para ulama'.

Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T serta Menjunjung Kasih titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang telah berkenan melantik saya sebagai Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi sesi 2021 hingga 2024. Tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan ini akan dilaksanakan dengan telus dan penuh integriti demi kebaikan dan kemaslahatan umat Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan.

Sebagai sebuah organisasi yang telah dipertanggungjawabkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, MAIWP meneruskan usahanya untuk berada di puncak kecemerlangan dengan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program yang berteraskan kebajikan dan sosio-ekonomi kepada masyarakat Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan. Kejayaan yang dicipta hasil dengan kerjasama yang jitu di antara MAIWP dan anak-anak Syarikat MAIWP.

Selain itu, urus tadbir yang baik oleh MAIWP dan anak syarikat MAIWP yang dipamerkan menunjukkan cerminan perkhidmatan yang terbaik disediakan demi kemudahan dan capaian masyarakat Islam terutamanya perkara yang melibatkan urusan hal ehwal agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan. Dengan adanya kesepakatan yang padu, MAIWP terus menerajui kecemerlangan dengan jayanya di peringkat negeri dan seterusnya di peringkat nasional.

■ PRESTASI KEWANGAN

Secara keseluruhannya, MAIWP pada tahun 2023 telah mencatatkan pendapatan kumpulan sebanyak **RM 1,483,508,833**.

PERATUSAN JENIS PENDAPATAN MAIWP & KUMPULAN

	2022		2023	
	JUMLAH (RM)		JUMLAH (RM)	
Kutipan Zakat	930,551,372	68.60%	1,030,448,182	69.46%
Hasil zakat amil	135,873,135	10.01%	157,408,541	10.61%
Wakaf am	1,940,810	0.14%	2,600,255	0.18%
Geran	34,242,848	2.52%	44,954,537	3.03%
Sewa	8,254,653	0.61%	8,518,282	0.57%
Pelaburan	16,747,097	1.23%	25,783,245	1.74%
Yuran Pengajian	16,354,647	1.21%	17,778,579	1.20%
Syarikat	135,468,217	9.98%	164,119,943	11.06%
Lain-lain	77,297,244	5.70%	31,897,269	2.15%
JUMLAH	1,356,730,023	100%	1,483,508,833	100%

Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM1,393,738,760** telah dibelanjakan meliputi pengagihan zakat, pengurusan dan lain-lain lagi.

PERATUSAN JENIS PERBELANJAAN MAIWP & KUMPULAN

	2022		2023	
	JUMLAH (RM)		JUMLAH (RM)	
Pengagihan zakat	828,062,199	66.29%	954,064,154	68.46%
Penyelenggaraan Bangunan	3,864,669	0.31%	7,600,711	0.55%
Inventori	63,924,857	5.12%	83,899,386	6.02%
Kos Tenaga Pengajar & Perunding Perubatan	48,148,449	3.85%	45,064,144	3.23%
Kakitangan dan Pengurusan	229,422,920	18.37%	261,659,551	18.77%
Lain-lain	75,695,936	6.06%	41,450,814	2.97%
JUMLAH	1,249,119,030	100%	1,393,738,760	100%

PERATUSAN KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT

	2022	2023	2023vs2022
	JUMLAH (RM)	JUMLAH (RM)	PENINGKATAN
KUTIPAN ZAKAT	932,217,332	1,031,293,790	10.63%
AGIHAN ZAKAT	885,531,080	1,018,880,085	15.06%

PENGURUSAN KEWANGAN YANG CEKAP

Memasuki tahun 2023, MAIWP telah berjaya mengekalkan prestasi pengurusan kewangan yang cekap dan telus dan ini dibuktikan dengan pencapaian menerima sijil audit bersih bagi Penyata Kewangan sejak tahun 2006 sehingga kini.

SYARIKAT MILIK MAIWP

Sehingga tahun 2023, MAIWP telah melabur sebanyak RM65.22 juta dalam bentuk ekuiti iaitu modal berbayar bagi 8 syarikat milik penuh MAIWP.

Modal berbayar

RM65,220,000

Keuntungan sebelum cukai & zakat 2023

RM6,444,233

■ PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

MAIWP sehingga kini mempunyai 7 buah syarikat dan 1 yayasan iaitu:

Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd. (PUSRAWI)

Hartasuci Sdn. Bhd. (Hartasuci)

Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Bhd. (UCMI)

Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd. (KPBKL)

MAIWP Dagang Sdn. Bhd. (MDSB)

Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd. (PWM)

MAIWP Healthcare Sdn Bhd. (MHC)

Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan (Yayasan Taqwa)

■ PENGHARGAAN

Sebagai sebuah agensi yang bernaung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, MAIWP akan terus menjunjung amanah dalam merencanakan agenda pembangunan ummah khususnya di Wilayah Persekutuan ini.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) yang sentiasa memberikan panduan dan sokongan dalam membentuk MAIWP menjadi sebuah agensi pengurusan Islam yang sentiasa dicontohi.

Penghargaan juga dirakamkan kepada barisan Ahli MAIWP yang sentiasa komited memberikan pandangan dan sumbangan dalam penetapan hala tuju dan dasar MAIWP demi membangunkan sosio ekonomi umat Islam di Wilayah Persekutuan ini.

Penghargaan kepada rakan-rakan strategik MAIWP seperti individu, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), syarikat-syarikat korporat yang turut membantu menjadi mata dan telinga MAIWP dalam bersama-sama menyantuni asnaf di Wilayah Persekutuan.

Ucapan terima kasih kepada pembayar zakat yang menyumbang kepada punca utama MAIWP bergerak melaksanakan amanah dan tanggungjawab menyantuni asnaf di Wilayah Persekutuan dan di luar Wilayah Persekutuan.

Ucapan penghargaan juga seharusnya diberikan kepada penggerak sebenar aktiviti dan program iaitu warga MAIWP itu sendiri yang sentiasa komited menunaikan tanggungjawab dan amanah melaksanakan tugas demi umat Islam di Wilayah Persekutuan ini.

Akhir kata, semoga Allah S.W.T. merahmati segala usaha yang telah diberikan dalam memastikan MAIWP sebuah Institusi Islam yang unggul di Wilayah Persekutuan. Sekian, terima kasih. Wassalam.



TAN SRI DR. MOHD DAUD BAKAR

Pengerusi MAIWP





LAPORAN SETIAUSAHA MAIWP

► YBhg. Datuk Haji Mohd Ajib
bin Ismail

► JAWATANKUASA DIURUSETIAKAN OLEH MAIWP

1

JAWATANKUASA BAITULMAL (JKB)

2

JAWATANKUASA PEMANDU PEMANTAUAN PROJEK BERIMPAK TINGGI (EXCO)

3

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTANAH (JKPPH)

4

JAWATANKUASA AUDIT DALAM DAN GOVERNANS (JKADG)

5

JAWATANKUASA UNDANG-UNDANG

6

JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN MAIWP (NRC)

7

JAWATANKUASA PERANCANGAN STRATEGIK MAIWP

8

JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PELABURAN (JKP)

9

JAWATANKUASA PENDIDIKAN MAIWP

10

JAWATANKUASA TRANSFORMASI DIGITAL MAIWP

11

JAWATANKUASA PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (JPSM)

12

JAWATANKUASA WAKAF MAIWP

13

JAWATANKUASA LAJNAH AL-IRSYAD MAIWP

14

JAWATANKUASA DARUL KIFAYAH DAN DAR ASSAADAH

15

JAWATANKUASA PEMBERI DAN PENYELARAS MAKLUMAT

KEAHLIAN

MAJLIS AGAMA ISLAM
WILAYAH PERSEKUTUAN
SEHINGGA 31 DISEMBER 2023



PENGERUSI
YBHG. TAN SRI DR. MOHD DAUD
BIN BAKAR



TIMBALAN PENERUSI
YBHG. DATIN PADUKA HAJAH
HAKIMAH BINTI MOHD YUSOFF

AHLI



**YBHG. DATUK SERI
SOLLEHUDDIN ALYUBI
BIN ZAKARIA**

Wakil Ketua Setiausaha Negara
(KSN)



**YBHG. DATO' ANAS
BIN AHMAD ZAKIE**

Wakil Peguam Negara



**YBHG. DATUK SERI TPR.
HJ. MAHADI BIN C. NGAH**

Datuk Bandar Kuala Lumpur
(Tamat lantikan pada
31 Mac 2023)



**YBHG. DATUK SERI PMGR
SR. HAJI KAMARULZAMAN
BIN MAT SALLEH**

Datuk Bandar Kuala Lumpur
(Pelantikan bermula
17 April 2023)



**YBHG. DATUK SERI AZMI
BIN ABU KASSIM**

Wakil Ketua Polis Negara



**SAHIBUS SAMAHAH
DATUK DR. LUQMAN
BIN HAJI ABDULLAH**

Mufti Wilayah Persekutuan



**YBHG. TAN SRI DR.
SULAIMAN BIN MAHBOB**



**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SYED ZAINAL ABIDIN
BIN SYED MOHAMED TAHIR**



**YBHG. TAN SRI DATO'
SRI DR. ABDUL AZIZ
BIN ABDUL RAHMAN**



**YBHG. DATUK RAMELI
BIN MUSA**



**YBHG. DATUK KOL. (K)
HAJI ANWARI BIN SURI**



**YBHG. DATUK SERI HAJAH
ROSIDA BINTI JAAFAR**



**YBHG. DATO' MOHD ZAFIR
BIN IBRAHIM**



**YBHG. DATUK ABDUL
RAHMAN PUTRA
BIN DATO' TAHA**



**YBHG. DATUK PROFESOR
DR. SHAMRAHAYU
BINTI AB. AZIZ**



**YBRS. PROFESOR MADYA
DATO' DR. MOHD FARID
RAVI BIN ABDULLAH**



**YBRS. PROFESOR DR.
MOHD ROSLAN BIN MOHD
NOR**



**YM. PROFESOR DR. ENGU
RABIAH ADAWIAH
BINTI ENGU ALI**



**YBRS. DR. YUSRI
BIN MOHAMAD**

**YBRS. TUAN HAJI ZAINAL
ABIDIN BIN SHAIK ZAKARIA**

SETIAUSAHA MAIWP



**YBHG. DATUK HAJI MOHD
AJIB BIN ISMAIL**
Pengarah
Jabatan Agama Islam Wilayah
Persekutuan

► BILANGAN MESYUARAT

Seksyen 22 (4) , Akta 505 menyebut:

"Mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah diadakan dengan tetap sehingga tidak lebih daripada tiga bulan kalendar boleh berlalu antara satu mesyuarat dengan yang berikutnya."

Seksyen 17, Akta 505 pula menyebut:

"Tiada urusan, kecuali mengenai penangguhan, boleh dilakukan dalam sesuatu mesyuarat, dan tiada ketetapan atau tindakan Majlis yang dibuat atau dilaksanakan dalam sesuatu mesyuarat, adalah sah, melainkan jika sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota, termasuk orang yang mempengerusikan mesyuarat, hadir dalam mesyuarat itu."

Pada tahun 2023, Mesyuarat MAIWP telah bersidang sebanyak 7 kali seperti berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Mesyuarat MAIWP Kali Ke -162, Bil 1/2023	22 Februari 2023	18 ahli
2.	Mesyuarat MAIWP Khas Bil. 1/2023	12 April 2023	15 ahli
3.	Mesyuarat MAIWP Kali Ke-163, Bil 2/2023	14 Jun 2023	14 ahli
4.	Mesyuarat MAIWP Khas Bil. 2/2023	08 Ogos 2023	19 ahli
5.	Mesyuarat MAIWP Khas Bil. 3/2023	20 September 2023	19 ahli
6.	Mesyuarat MAIWP Kali Ke-164, Bil 3/2023	07 November 2023	16 ahli
7.	Mesyuarat MAIWP Khas Bil. 4/2023	21 Disember 2023	14 ahli



► JAWATANKUASA BAITULMAL (JKB)

FUNGSI:



Berperanan meluluskan permohonan bantuan agihan zakat termasuk pemantauan setiap aliran perbelanjaan kumpulan wang di MAIWP.



Membuat keputusan perkara yang berkaitan dengan lain-lain terimaan sumber am seperti nazar, hibah dan sebagainya.



Memastikan mekanisme pengagihan zakat lebih berkesan dan telus serta menepati golongan sasaran.



Meluluskan permohonan bernilai RM25,000.00 dan ke atas.



Membuat keputusan perkara yang berkaitan dengan harta pusaka yang terhak kepada baitulmal seperti pengurangan nilai tebusan, persetujuan penjualan, pembelian bahagian waris dan sebagainya.

KEANGGOTAAN JKB

PENGERUSI

YBHG. TAN SRI DR. MOHD DAUD BIN BAKAR

AHLI

1. SAHIBUS SAMAHAH DATUK PROFESOR MADYA DR. LUQMAN BIN HAJI ABDULLAH
2. YBHG. DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL
3. YBHG. DATUK HAJI MOHAMAD NORDIN BIN IBRAHIM
4. YBHG. DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM
5. YBHG. PROF. DR. AMIR BIN SHAHARUDDIN
6. YBRS. TUAN HAJI NUSHI BIN MAHFODZ

SETIAUSAHA MESYUARAT

ENCIK AHMAD TALMIZI BIN YAHAYA

Bagi tahun 2023 Mesyuarat telah bersidang seperti berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH	AHLI
1.	Bilangan 1	28 Februari 2023 (Selasa)	4 ahli
2.	Bilangan 2	23 Mac 2023 (Khamis)	8 ahli
3.	Bilangan 3	14 April 2023 (Jumaat)	6 ahli
4.	Bilangan 4	29 Mei 2023 (Isnin)	6 ahli
5.	Bilangan 5	5 Julai 2023 (Rabu)	5 ahli
6.	Bilangan 6	31 Julai 2023 (Isnin)	5 ahli
7.	Bilangan 7	29 Ogos 2023 (Selasa)	5 ahli
8.	Bilangan 8	9 Oktober 2023 (Isnin)	5 ahli
9.	Bilangan 9	22 November 2023 (Rabu)	4 ahli
10.	Bilangan 10	19 Disember 2023 (Selasa)	5 ahli

► JAWATANKUASA PEMANDU PEMANTAUAN PROJEK BERIMPAK TINGGI (EXCO)

FUNGSI:



Mempunyai kuasa untuk membuat keputusan dalam usaha mempercepatkan pelaksanaan projek selagi mana ia tidak bercanggah dengan Prosedur Kewangan MAIWP;



Mempunyai kuasa untuk mendapatkan data-data berkaitan program dan projek untuk tujuan analisa dan sebagainya;



Memantau, meninjau dan mengatasi semua isu-isu yang dihadapi dalam memastikan semua program dan projek berjalan lancar;



Melaporkan status pelaksanaan program dan projek terus kepada Mesyuarat MAIWP



Mempunyai kuasa untuk membuat perbincangan strategik bagi mengenalpasti dan memperhalusi semua projek dan program yang diluluskan oleh Mesyuarat MAIWP agar ia memberikan impak yang besar kepada masyarakat;



Memberi nasihat dalam melaksanakan program dan projek menggunakan mekanisme baharu yang lebih efisien



Penubuhan Exco ini adalah bersifat adhoc. Sekiranya program dan projek telah sempurna dilaksanakan sepenuhnya, Exco ini dibubarkan. Jangkaan program dan projek disiapkan adalah selewat-lewatnya pada Januari 2024.

KEANGGOTAAN:

PENGERUSI

YBHG. TAN SRI DR. MOHD DAUD BIN BAKAR

AHLI

1. YBHG. TAN SRI DATO' SRI SYED ZAINAL ABIDIN BIN SYED MOHAMED TAHIR

2. YBHG. TAN SRI DATO' SRI DR. ABDUL AZIZ BIN ABDUL RAHMAN

3. YBHG. DATUK RAMELI BIN MUSA

4. YBRS. TUAN HAJI ZAINAL ABIDIN BIN SHAIK ZAKARIA

5. KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIWP

6. TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (OPERASI)

7. TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PENGURUSAN)

8. PENGURUS BAHAGIAN KEWANGAN DAN PELABURAN

SETIAUSAHA

YBRS. PN. WAN AZIRA BINTI WAN SALLEH

KEKERAPAN MESYUARAT:

BIL	PERKARA	TARIKH	AHLI
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pemantauan Projek Berimpak Tinggi MAIWP Kali Ke-3 Bil. 1/2023	3 Mac 2023	9 ahli
2.	Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pemandu Pemantauan Projek Berimpak Tinggi MAIWP Bil. 1/2023	12 April 2023	7 ahli
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pemantauan Projek Berimpak Tinggi MAIWP Kali Ke-4 Bil. 2/2023	2 Jun 2023	9 ahli
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pemantauan Projek Berimpak Tinggi MAIWP Kali Ke-5 Bil. 3/2023	26 Julai 2023	9 ahli
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pemantauan Projek Berimpak Tinggi MAIWP Kali Ke-6 Bil. 4/2023	22 November 2023	9 ahli

► JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN MAIWP (NRC)

FUNGSI:



Menjalankan penilaian dan mengesyorkan calon yang berkelayakan untuk mengisi perjawatan Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Keanggotaan Jawatankuasa-jawatankuasa Utama MAIWP, Lembaga Pengarah Syarikat MAIWP, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat MAIWP serta peminjaman Pegawai Kanan MAIWP ke agensi luar secara tukar silang mahupun sehalu;



Menjalankan penilaian prestasi ke atas Lembaga Pengarah Syarikat MAIWP secara berkala;



Menerima dan mengambil maklum pelaporan penilaian prestasi yang dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah Syarikat MAIWP serta membuat pengesyoran kepada MAIWP; dan



Membuat semakan dan mengesyorkan dasar serta prosedur imbuhan yang digunakan untuk menentukan pakej imbuhan Lembaga Pengarah Syarikat MAIWP termasuk Ketua Pegawai Eksekutif serta Pengurusan Kanan dalam Syarikat MAIWP.

KEANGGOTAAN:

PENGERUSI

YBHG. TAN SRI DATO' SRI SYED ZAINAL ABIDIN BIN SYED MOHAMED TAHIR

AHLI

- YBHG. DATUK SERI MOHD SALLEHUDDIN BIN HASSAN**
- YBHG. DATUK RAMELI BIN MUSA**
- YBRS. PROFESOR DR. MOHD ROSLAN BIN MOHD NOR**
- YBHG. PROFESOR DR. ENSKU RABIAH ADAWIAH BINTI ENSKU ALI**

SETIAUSAHA

YBRS. PUAN WAN AZIRA BINTI WAN SALLEH

KEKERAPAN MESYUARAT:

BIL	PERKARA	TARIKH	AHLI
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (NRC-MAIWP) Bil. 1/2023	16 Januari 2023	6 ahli
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (NRC-MAIWP) Bil. 2/2023	29 Mac 2023	5 ahli
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (NRC-MAIWP) Bil. 3/2023	12 Jun 2023	4 ahli
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (NRC-MAIWP) Bil. 4/2023	2 Ogos 2023	4 ahli
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (NRC-MAIWP) Khas Bil. 1/2023	3 Oktober 2023	5 ahli
6.	Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (NRC-MAIWP) Khas Bil. 2/2023	31 Oktober 2023	6 ahli
7.	Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (NRC-MAIWP) Bil. 5/2023	30 November 2023	6 ahli

► JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTANAH (JKPPH)

Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Hartanah berperanan penting bagi mengurussetiakan Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Hartanah (JKPPH)

MAIWP DI MANA TANGGUNGJAWAB JKPPH ADALAH SEPERTI BERIKUT:-



Mengawal selia pelaksanaan dasar-dasar berkaitan dengan pembangunan dan pengurusan hartanah MAIWP.



Bertanggungjawab mengenal pasti bidang berisiko dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk mengurus tadbir perkara-perkara spesifik berkaitan pembangunan dan pengurusan hartanah MAIWP.



JKPPH bergantung dengan nilai integriti dan ketekunan wajar pengurusan kanan serta nasihat juruaudit untuk menyelia objektif prestasi keseluruhan dan inisiatif utama pembangunan dan pengurusan hartanah MAIWP serta perolehan aset.



Bertanggungjawab membincangkan hala tuju strategik mengenai isu-isu pembangunan dan pengurusan hartanah MAIWP serta merancang aktiviti selaras dengan garis panduan, polisi risiko dan lokasi aset MAIWP.

KUASA JAWATANKUASA

JKPPH bertindak sebagai pihak berkuasa yang menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti berikut:-

- a) Memantau pembangunan dan pengurusan hartanah MAIWP melaksanakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
- b) Meluluskan permohonan pajakan hartanah bagi tempoh maksimum 20 tahun dengan nilai pajakan maksima RM2 juta setahun.
- c) Meneliti dan memperakukan cadangan-cadangan pembangunan dan pengurusan hartanah milik MAIWP untuk dibentang ke Mesyuarat MAIWP.
- d) Meluluskan permohonan pembelian hartanah bernilai RM2 juta ke bawah.
- e) Meneliti dan memperakukan permohonan dasar baharu dan penambahbaikan dasar-dasar sedia ada bagi perkara-perkara berkaitan pembangunan dan pengurusan hartanah MAIWP untuk dibentang ke Mesyuarat MAIWP.

Pada tahun 2023, Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Hartanah (JKPPH) MAIWP telah bermesyuarat JKPPH Kali Ke-1 Bil. 1/2023 pada 4 April 2023.

KEANGGOTAAN JKPPH MAIWP:

PENGERUSI

YBHG. DATUK RAMELI BIN MUSA

AHLI

1. YBHG. TAN SRI DATO' SRI SYED ZAINAL ABIDIN BIN SYED MOHAMED TAHIR

2. YM. PROFESOR DR. ENSKU RABIAH ADAWIAH BINTI ENSKU ALI

3. YBRS. SR. ROSNI NAWATI BINTI NGAH

4. YBHG. DATUK TPR. SULAIMAN BIN MOHAMED

SETIAUSAHA

YBRS. TUAN HAJI IR. ABD KARIM BIN MOHAMED @ ISMAIL

► JAWATANKUASA AUDIT DALAM DAN GOVERNANS

MAIWP turut mempunyai Jawatankuasa Audit Dalam (JKAD). Penubuhan JKAD adalah mengikut Surat Pekeliling AM Bil. 3 Tahun 1998 iaitu Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif dalam pengurusan Badan-Badan Berkanun Persekutuan.

Mesyuarat Khas MAIWP Bil. 3/2021 pada 21 April 2021 telah meluluskan cadangan Penstrukturan Semula Fungsi Jawatankuasa Audit Dalam (JKAD) kepada Jawatankuasa Audit Dalam dan Governans (JKADG).

Antara Fungsi Utama JKADG seperti yang dinyatakan dalam Piagam Jawatankuasa Audit adalah:

- a. Mengkaji dan membantu perancangan strategik UAD untuk menjalankan pengauditan yang telah dirancang dengan baik berdasarkan garis panduan pengauditan, Standard pengauditan Antarabangsa, Garis Panduan Syariah MAIWP dan peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa.
- b. Mengkaji dan meluluskan Piagam UAD dan UI dengan mengambil kira keperluan Syariah sekurang-kurangnya dua tahun sekali.
- c. Mengkaji dan memberi nasihat mengenai keberkesanan dan kemampuan sistem tadbir urus organisasi, pengurusan risiko dan amalan kawalan dalaman berdasarkan Kerangka Governans MAIWP berlandaskan Syariah.
- d. Mengkaji dan meluluskan perancangan aktiviti audit oleh UAD yang meliputi objektif Audit, skop Audit, metodologi Audit, program Audit, jadual, keanggotaan dan kos untuk menjamin kualiti kerja Audit yang tinggi serta aktiviti penyelarasan di antara Juruaudit Dalam dan Juruaudit Luar. Juga mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan UI.
- e. Memberi input-input terhadap MRA dan kajian Audit yang dijalankan oleh UAD dan siasatan oleh UI.
- f. Mengkaji laporan daripada Juruaudit Dalam dan laporan UI serta Juruaudit Luar. Memberikan rumusan dan syor-syor serta memperakukan tindakan susulan yang perlu kepada Ahli Mesyuarat Majlis, MAIWP (Lembaga Pengarah).
- g. Mengkaji dan menasihat Lembaga Pengarah berhubung dengan penyata kewangan MAIWP dan Syarikat milik MAIWP, prospektus serta laporan-laporan kewangan lain yang dikeluarkan mengikut standard perakaunan yang diterima umum dan standard perakaunan Islam.
- h. Mengkaji dan menasihat Lembaga Pengarah berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif di atas aktiviti yang tertakluk kepada pengauditan dan perkara lain yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah.
- i. Mengesan pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah MAIWP serta mengesan tatakelakuan pegawai/kakitangan dan mengambil daya usaha menyiasat sebarang pertelingkahan yang berlaku dalam Badan Berkanun ini (MAIWP).
- j. Memastikan bahawa Badan Berkanun (MAIWP) sentiasa mengubahsuai pelaksanaan kerja selaras dengan Kerangka Governans MAIWP berlandaskan Syariah dan perubahan ikhtisas yang berlaku dalam bidang perakaunan seperti pengisytiharan oleh Institut Akauntan Malaysia dan Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa
- k. Melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.
- l. Melaporkan kepada pihak pengurusan mengenai kakitangan yang didapati telah melakukan penyelewengan, pembaziran dan pemborosan untuk diambil tindakan undang-undang yang sesuai.
- m. Memberi nasihat kepada Lembaga Pengarah mengenai kelayakan, pengambilan, pelantikan dan penamatan Ketua Eksekutif/Pengurus Audit dan Ketua Unit Integriti.
- n. Mengkaji keberkesanan fungsi Audit Dalam, termasuk pematuhan kepada Kod Etika Juruaudit, *International Standards for Professional Practice of Internal Auditing (IPPF)* dan Kerangka Governans MAIWP berlandaskan Syariah.

- o. Membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya terhadap kebebasan rasuah, Integriti organisasi, mengurus aduan berdasarkan *Whistleblower Protection Act 2010* (Whistleblowing Policy MAIWP) dan Governans yang baik serta mengawasi prestasi *Key Performance Indicators (KPI)* pegawai-pegawai Integriti bagi mencapai objektifnya selaras dengan pekeliling berkuat kuasa, Arahan YAB Perdana Menteri, Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti Agensi Awam dan Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti dan Governans yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (Spt. Seksyen 17A, Akta SPRM) serta Garis Panduan Syariah MAIWP.

JKADG telah bermesyuarat sebanyak 8 kali pada tahun 2023 termasuk Mesyuarat JKADG Khas berjumlah 4 kali. Sebanyak 11 laporan audit telah dibentangkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat JKADG sepanjang tahun 2023.

JKADG MAIWP dianggotai oleh:

PENGERUSI

YBHG. DATUK HAJI ANWARI BIN SURI

AHLI

1. PROFESOR DR. MOHD ROSLAN BIN MOHD NOR

2. TUAN HAJI ZAINAL ABIDIN BIN SHAIKH ZAKARIA

3. PROFESOR DATUK DR. SHAMRAHAYU BINTI AB. AZIZ

4. PROFESOR MADYA DATO' DR. MOHD FARID RAVI BIN ABDULLAH

► JAWATANKUASA UNDANG-UNDANG

JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN MAIWP (NRC)

- i. Berperanan sebagai platform dan wadah bagi membincangkan perkara-perkara perundangan yang melibatkan kepentingan MAIWP;
- ii. Mengkaji segala aktiviti dan perjalanan MAIWP dari segi aspek perundangan dan implikasinya;
- iii. Memberikan cadangan-cadangan yang dapat membantu melicinkan pentadbiran MAIWP selaras dengan kehendak undang-undang yang sedang berkuat kuasa;
- iv. Memantau dan memperkemas pelaksanaan undang-undang bertulis yang diwujudkan;
- v. Memudahkan proses penggubalan dan pelaksanaan kaedah-kaedah dan prosedur MAIWP;
- vi. Menasihati MAIWP dalam kes-kes litigasi syariah dan sivil yang melibatkan fungsi dan kepentingan MAIWP;
- vii. Mengkaji isu-isu mengenai hal ehwal agama Islam yang sering ditimbulkan pada masa kini;
- viii. Meneliti dan membincangkan isu-isu perlanggaran undang-undang yang dilihat memberi ancaman terhadap undang-undang berkaitan agama Islam; dan
- ix. Memberi perakuan kepada Jawatankuasa Pemilihan dan Pelantikan Peguam MAIWP berhubung dengan permohonan untuk menjadi panel Peguam MAIWP.

KEANGGOTAAN:

PENGERUSI

YBHG. DATO' ANAS BIN AHMAD ZAKIE (AGC)

AHLI

1. YBRS. PUAN ROSLINA BINTI SHAFAWI (PUU JAKIM)

2. YBRS. TUAN ABD RAZAK BIN MAT NAYAN

3. YBRS. TUAN ROZIMI BIN ZAMRI

4. YBRS. TUAN AHMAD BASYIR BIN HAJI YAAKUB

5. YBRS. PROFESOR FARID SUFIAN BIN SHUAIB

6. YBRS. PROFESOR DR NAJIBAH BINTI MOHD ZIN

7. YBRS. PUAN FAHDA NUR AHMAD KAMAR

8. YBRS. PUAN MAJDAH MUDA

9. YBRS. TUAN HAJI ZURI ZABUDDIN BIN BUDIMAN

KEKERAPAN MESYUARAT:

BIL	PERKARA	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Mesyuarat Khas Jawatankuasa Undang-Undang Bil. 1/2023	11 Januari 2023	9 ahli
2.	Mesyuarat Khas Jawatankuasa Undang-Undang Bil. 2/2023	15 Feb 2023	9 ahli
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Undang-Undang MAIWP Kali Ke-26 Bil. 1/2023	30 Mac 2023	7 ahli
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Undang-Undang MAIWP Kali Ke-27 Bil. 2/2023	6 Julai 2023	9 ahli

► JAWATANKUASA PERANCANGAN STRATEGIK MAIWP

FUNGSI:



Mewakili Mesyuarat MAIWP untuk membangunkan pelan strategik MAIWP berpandukan visi dan misi MAIWP serta dasar-dasar semasa kerajaan.



Menilai kemajuan pelaksanaan, prestasi dan keberkesanan KPI yang ditetapkan seterusnya melaporkan kepada Mesyuarat MAIWP; dan



Mencadangkan perancangan strategik, pelan tindakan dan inisiatif serta piagam pelanggan yang bersesuaian yang perlu dilakukan oleh ahli MAIWP dan pengurusan MAIWP.



Meneroka dan mencadangkan kepada Mesyuarat MAIWP tentang peluang, kemudahan dan keupayaan baharu yang muncul dalam pelaksanaan inisiatif / kerjasama strategik mengambilkira ianya adalah selari dengan pelan strategik yang telah dipersetujui.



Mencadangkan Key Performance Indicator (KPI) yang perlu dicapai dalam merealisasikan pelan strategik yang telah dipersetujui.

KEANGGOTAAN:

11 ORANG DENGAN KOMPOSISI SEPERTI BERIKUT:

PENGERUSI

YBHG. TAN SRI DATO' SRI DR. ABDUL AZIZ BIN ABDUL RAHMAN

AHLI

1. **YBHG. TAN SRI DR. SULAIMAN BIN MAHBOB**
2. **YBHG. DATIN PADUKA HAJAH HAKIMAH BINTI MOHD YUSOFF**
3. **YBHG. DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL**
4. **YBRS. PROFESOR DR. MOHD ROSLAN BIN MOHD NOR**
5. **YBHG. DATUK MOHD NIZAM BIN HAJI YAHYA**
6. **YBHG. DATUK HAJI ABDUL HAKIM AMIR OSMAN**
7. **YBRS. ENCIK EFFENDY BIN ZULKIFLY**
8. **YBRS. ENCIK FIRDAUS WONG WAI HUNG**
9. **YBRS. ENCIK KHALID AL WALID MUSTAFA KAMIL**

SETIAUSAHA

YBRS. PN. WAN AZIRA BINTI WAN SALLEH

KEKERAPAN MESYUARAT:

BIL	PERKARA	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Strategik (SPC-MAIWP) Bil. 1/2023	10 Februari 2023	10 ahli
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Strategik (SPC-MAIWP) Bil. 2/2023	11 Mei 2023	10 ahli
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Strategik (SPC-MAIWP) Bil. 3/2023	21 Julai 2023	9 ahli
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Strategik (SPC-MAIWP) Bil. 4/2023	25 Oktober 2023	7 ahli

► JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PELABURAN (JKP)

FUNGSI:



Memberikan nasihat bagi memastikan kestabilan jangka panjang kedudukan kewangan MAIWP.



Bertanggungjawab membincangkan hala tuju strategik mengenai isu-isu kewangan dan pelaburan dan merancang aktiviti selaras dengan garis panduan, polisi risiko dan alokasi aset MAIWP.



Mengawal selia pelaksanaan dasar-dasar berkaitan dengan pengurusan kewangan, pelaburan, pinjaman dan perbelanjaan modal dan rancangan belanjawan kewangan MAIWP.



JKP bergantung dengan nilai integriti dan ketekunan wajar pengurusan kanan serta nasihat juruaudit untuk menyelia objektif prestasi keseluruhan, inisiatif utama operasi, pelaburan utama, pembelian aset dan cadangan pembiayaan, ulasan prestasi kewangan, pengurusan risiko dan amalan tadbir urus korporat.



Mengenal pasti bidang berisiko dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk mengurus tadbir perkara-perkara spesifik berkaitan dengan operasi organisasi.

KEANGGOTAAN:

PENGERUSI

YBHG. TAN SRI DATO' SRI SYED ZAINAL ABIDIN BIN SYED MOHAMED TAHIR

AHLI

1. YM PROFESOR DR. ENSKU RABIAH ADAWIAH BINTI ENSKU ALI

2. YBHG. DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA

3. YBRS. DR. MOHD NORDIN BIN MOHD ZAIN

4. YBRS. PUAN SHARIZAD BINTI JUMA'AT

5. YBRS. ENCIK AHMAD SAIFUDIN BIN ABDULLAH

6. YBHG. DATUK MOHD NIZAM BIN HAJI YAHYA

SETIAUSAHA

YBRS. NOOR FADZILAH BINTI SHAFIE

KEKERAPAN MESYUARAT:

BIL	PERKARA	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Mesyuarat Jawatankuasa kewangan dan Pelaburan Kali Ke – 4 Bil. 1/2023	10 April 2023	6 ahli
2.	Mesyuarat Jawatankuasa kewangan dan Pelaburan Kali Ke – 5 Bil. 2/2023	4 ogos 2023	5 ahli
3.	Mesyuarat Jawatankuasa kewangan dan Pelaburan Khas MAIWP Bil. 1/2023	18 Julai 2023	4 ahli
4.	Mesyuarat Jawatankuasa kewangan dan Pelaburan Khas MAIWP Bil. 2/2023	2 November 2023	5 ahli
5.	Mesyuarat Jawatankuasa kewangan dan Pelaburan Kali Ke – 6 Bil. 3/2023	18 Disember 2023	5 ahli

► JAWATANKUASA PENDIDIKAN MAIWP

FUNGSI:



Menentukan segala dasar dan hala tuju yang perlu dilaksanakan di institusi pendidikan MAIWP termasuk termasuk KPBKL dan PICOMS;



Mengambilalih fungsi dan peranan Jawatankuasa Pemandu Penubuhan Universiti MAIWP yang diwujudkan oleh MAIWP sebelum ini.



Menjalinkan hubungan dengan semua institusi kerajaan dan serta swasta termasuk hubungan kerjasama dengan pihak industri dalam dan luar negara;



Mengenalpasti sumber kewangan bagi tujuan pelaksanaan operasi pendidikan selain sumber zakat yang sedia ada.



Memastikan pelaksanaan kurikulum dan ko-kurikulum adalah sentiasa relevan dengan keperluan semasa.



Memastikan pengurusan dan operasi pendidikan di MAIWP dapat berjalan dengan lancar dan sentiasa berdaya saing serta memenuhi kehendak masyarakat.

KEANGGOTAAN:

PENGERUSI

YBHG. TAN SRI DATO' SRI SYED ZAINAL ABIDIN BIN SYED MOHAMED TAHIR

AHLI

1. YBHG. PROFESOR DATUK DR. SHAMRAHAYU BINTI AB. AZIZ

2. YBHG. TAN SRI DATO' SRI DR. SULAIMAN BIN MAHBOB

3. YBHG. DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL

4. YBRS. DR. YUSRI BIN MOHAMAD

5. YBHG. DATUK MOHD NIZAM BIN HAJI YAHYA

6. YBHG. PROFESOR EMERITUS DATO' DR. HASSAN BIN SAID

7. YBRS. DR. MAZLAN BIN ABBAS

8. YBHG. ENCIK ABU HANIPAH @ FAUZI BIN ZAHARI

SETIAUSAHA

YBRS. ENCIK AFFANDEY BIN YAAKOB

KEKERAPAN MESYUARAT:

BIL	PERKARA	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Mesyuarat JKP Bil. 1/2023	2 Jun 2023	7 ahli
2.	Mesyuarat Khas JKP Bil. 1/2023	7 Ogos 2023	5 ahli

► JAWATANKUASA TRANSFORMASI DIGITAL MAIWP

FUNGSI:



Bertanggungjawab menentukan dasar-dasar dan hala tuju yang perlu dilaksanakan bagi merealisasikan kewujudan Digital MAIWP;



Membincang, menimbang dan memberi nasihat serta menjadi tempat rujukan kepada gerak kerja penubuhan Digital MAIWP;



Menjadi rujukan dan memberi nasihat kepada MAIWP dalam hal-hal yang berkaitan dengan teknologi digital;



Memastikan tindakan yang dijalankan bertepatan dengan peraturan yang berkuatkuasa serta seiring dengan pelaksanaan kerajaan digital; dan



Berusaha menyumbang buah fikiran dan idea dalam memantapkan lagi usaha pembangunan Digital MAIWP seiring dengan visi, misi dan dasar MAIWP;



Mengemukakan cadangan penambahbaikan dan laporan JKTDm untuk kelulusan dan makluman mesyuarat MAIWP.

KEANGGOTAAN:

PENGERUSI

YBHG. DATUK RAMELI BIN MUSA

AHLI

1. **YBHG. DATO' DR. SUHAZIMAH BINTI DZAZALI**
2. **YBHG. DATO' DR. NORBIK BASHAH BIN IDRIS**
3. **YBRS. TUAN SYED OSMAN ALHADAD BIN SYED MOHAMED**
4. **YBRS. ENCIK MOHAMED REDZUAN BIN ABDULLAH**
5. **YBHG. DATUK MOHD NIZAM BIN HAJI YAHYA**
6. **YBRS. ENCIK MOHD FAUZI BIN ABIDIN**

SETIAUSAHA

YBRS. PUAN NOR AZLINA BINTI MOHAMAD SALLEH

KEKERAPAN MESYUARAT:

BIL	PERKARA	TARIKH	KEHADIRAN
TIADA SEBARANG MESYUARAT BERSIDANG PADA TAHUN 2023			

► JAWATANKUASA PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (JPSM)

FUNGSI:



Menilai perancangan dan kajian terhadap keperluan perjawatan tetap atau kontrak.



Menentukan kaedah-kaedah atau asas yang boleh dijadikan panduan bagi pengurusan Sumber Manusia termasuk perjawatan, pengurusan kontrak pegawai serta pelantikan pegawai MAIWP.



Menilai dan meluluskan, permohonan jawatan yang dikemukakan oleh bahagian MAIWP sahaja.



Jawatankuasa bertanggungjawab memastikan tindakan yang dijalankan bertepatan dengan undang-undang dan peraturan semasa.



Menilai dan meluluskan pemilihan pegawai yang akan dilantik atau calon simpanan bagi semua jawatan sama ada tetap atau kontrak berdasarkan cadangan Jawatankuasa Panel Temuduga.



Memperakukan usul atau cadangan yang memerlukan kelulusan Mesyuarat MAIWP.



Menilai dan meluluskan semua permohonan penyambungan kontrak pegawai MAIWP.



Memberi nasihat kepada pengurusan sumber manusia berhubung kaedah terbaik yang boleh memberi impak positif kepada Pegawai MAIWP.

KEANGGOTAAN:

PENGERUSI

YBHG. DATUK SERI SOLLEHUDDIN ALYUBI BIN ZAKARIA

AHLI

1. YBHG. DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM

2. YBHG. DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL

3. YBHG. DATUK MOHD NIZAM BIN HAJI YAHYA

4. YBRS. ENCIK MOHD FAUZI BIN ABIDIN

SETIAUSAHA

YBRS. PUAN FARIZAH BINTI KAMARUDDIN

KEKERAPAN MESYUARAT:

BIL	PERKARA	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia Bil 1 Tahun 2023	12 Jan 2023	6 ahli
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia Bil 2 Tahun 2023	7 April 2023	6 ahli
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia Bil 3 Tahun 2023	6 Julai 2023	5 ahli
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia Bil 4 Tahun 2023	18 Oktober 2023	5 ahli
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia Bil 5 Tahun 2023	20 November 2023	4 ahli

► JAWATANKUASA WAKAF MAIWP

Beberapa jawatankuasa berhubung pengurusan wakaf di Wilayah Persekutuan ditubuhkan bagi memastikan pengurusan pelaksanaan wakaf ditadbir urus dengan sistematik. Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) bertanggungjawab untuk menilai dan mempertimbangkan semua perkara yang berkaitan dengan permohonan dan pelaksanaan wakaf.

FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA:

Fungsi dan Tanggungjawab yang diberikan kepada Jawatankuasa ini ialah:



Memastikan pelaksanaan Wakaf mengikut Hukum Syarak, undangundang, polisi dan dasar yang berkuatkuasa;



Menentukan dan meluluskan konsep dan kaedah pelaksanaan Wakaf khususnya berkaitan kutipan, perbelanjaan dan pembangunan wakaf selaras dengan dasar, polisi dan ketetapan Majlis;



Memastikan pengurusan akaun/tabung wakaf tunai diuruskan dengan teratur, berkesan dan mematuhi semua peraturan yang sedang berkuatkuasa;



Menentukan dan meluluskan penggunaan, pengeluaran dan penyaluran dana wakaf untuk sesuatu projek wakaf;



Meluluskan dan mempertimbangkan semua perkara yang berkaitan dengan permohonan dan pelaksanaan Wakaf;



Menentukan dan meluluskan sebarang perancangan pelaburan wakaf, sebarang bentuk agihan manfaat wakaf dan pengagihan manfaat wakaf; dan



Meluluskan dan mempertimbangkan semua perkara yang berkaitan dengan pelantikan Mutawalli dan Qayyim;



Melaporkan kepada Mesyuarat MAIWP sekurang-kurangnya dua kali setahun segala aktiviti penerimaan, perbelanjaan, pelaburan dan pembangunan wakaf yang dilaksanakan.

Sehingga Disember 2023, JKW MAIWP telah bersidang sebanyak 3 kali seperti berikut:

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) Kali Ke-6 Bil. 1/2023 yang bersidang pada 13 April 2023.
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) Kali Ke-7 Bil. 2/2023 yang bersidang pada 17 Ogos 2023.
- iii. Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) Kali Ke-8 Bil. 3/2023 yang bersidang pada 28 November 2023

KEANGGOTAAN JKW MAIWP:

PENGERUSI

YBHG. DATUK HAJAH HAKIMAH BINTI MOHD YUSSOF

AHLI

1. YBHG. S.S. PROFESOR MADYA DATUK DR. LUQMAN BIN HAJI ABDULLAH

2. YBHG. DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL

3. YBHG. PROFESOR DR. ENSKU RABIAH ADAWIAH BINTI ENSKU ALI

4. YBHG. DATO' SELAMAT BIN PAIGO

5. YBRS. ENCIK MOHD FAUZI BIN ABIDIN

6. YBRS. PUAN SHARIFATUL HANIZAH BINTI SAID ALI

7. YBRS. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN IBARUSLAN

8. YBRS. PROFESOR DR. MOHD FAIRUZ BIN MD SALLEH

9. YBRS. PROFESOR DR. SHARIFAH ZUBAIDAH BINTI SYED ABDUL KADER

10. YBRS. DR. HAJI RAZALI BIN OTHMAN

SETIAUSAHA

YBRS. TUAN HAJI IR. ABD KARIM BIN MOHAMED @ ISMAIL

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada semua warga MAIWP yang sentiasa memberikan yang terbaik dan proaktif dalam menunaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Semoga komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan akan dibalas oleh Allah SWT dengan ganjaran pahala berlipat kali ganda apatah lagi usaha yang dilaksanakan adalah bagi Pembangunan ummah di Wilayah Persekutuan ini.

Sekian, dibentangkan maklumat-maklumat di atas bagi Laporan Tahunan MAIWP Tahun 2023.



DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL

Pengarah

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
merangkap Setiausaha MAIWP





LAPORAN PEMANGKU KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIWP

► YBhg. Datuk Mohd Nizam bin
Haji Yahya

► AGIHAN ZAKAT

Agihan zakat MAIWP melaksanakan agihan zakat secara langsung melalui enam (6) kluster yang melibatkan 38 skim bantuan.

Selain itu, MAIWP turut melaksanakan program dan aktiviti agihan di Wilayah-Wilayah Persekutuan

MAIWP juga menguruskan permohonan agihan zakat semula wang zakat (Al-Wakalah) dan menguruskan terimaan dan agihan sumber am. Al-Wakalah agihan zakat adalah bentuk agihan di mana MAIWP mewakili pengagihan zakat kepada pembayar yang terdiri daripada syarikat korporat, individu dan institusi pengajian tinggi dalam usaha meningkatkan liputan pengagihan di luar dan dalam Wilayah Persekutuan.

AGIHAN ZAKAT KESELURUHAN TAHUN 2023

BIL.	PERBELANJAAN	JUMLAH AGIHAN (RM)
1	Kluster Bantuan – Kebajikan	301,954,283
2	Kluster Bantuan – Perlindungan	23,521,787
3	Kluster Bantuan – Ekonomi	4,043,753
4	Kluster Bantuan – Perubatan	40,237,566
5	Kluster Bantuan – Pendidikan	103,927,411
6	Kluster Bantuan – Pembangunan Ummah	142,862,971
7	Pembangunan Asnaf	11,681,725
8	Wakalah	181,499,695
9	Institusi Pendidikan dan Kebajikan	36,141,855
10	Agihan Bahagian Amil	157,408,542
11	Prasarana Umat Islam	9,108,272
12	Belanja Penyelenggaraan Prasarana	6,492,225
JUMLAH		1,018,880,085

Sepanjang tahun 2023, MAIWP telah mengagihkan zakat sebanyak

RM
1,018,880,085



PROGRAM DAN AKTIVITI AGIHAN



JEJAK ASNAF



ZIARAH ASNAF



KAUNTER BERGERAK



JEJAK GELANDANGAN



Skim
Bantuan
38



AGIHAN ZAKAT MAIWP MENERUSI SKIM BANTUAN TAHUN 2023

BIL	KLUSTER BANTUAN	SKIM BANTUAN	JUMLAH (RM)	BILANGAN PENERIMA
1	KEBAJIKAN	Bantuan Sara Hidup	192,200,401	33,691
2		Bantuan Persediaan Ramadan Dan Aidilfitri	27,996,000	28,012
3		Bantuan Pembekalan Barangan Keperluan Asasi	24,839,865	1
4		Bantuan Khairat Asnaf	932,000	628
5		Bantuan Sekuriti Sosial	6,190,000	1
6		Bantuan Perkahwinan	540,000	198
7		Bantuan Guaman Syarie	16,500	3
8		Bantuan Menyelesaikan Hutang	5,381,115	1,867
9		Bantuan Tambang Dan Keperluan Diri	833,066	681
10		Bantuan Kecemasan	1,339,694	364
11		Bantuan Musibah	298,242	250
12		Bantuan Insentif Khas	41,387,400	64,565
JUMLAH (RM)			301,954,283	130,261
13	PERLINDUNGAN	Bantuan Deposit Sewa Rumah Dan Sewa Rumah Bulanan / Pusat Perlindungan	21,664,814	6,899
14		Bantuan Membina Dan Membaiki Rumah	1,856,973	50
15		Bantuan Deposit Pembelian Rumah	-	
JUMLAH (RM)			23,521,787	6,949
16	EKONOMI	Bantuan Perniagaan	2,632,000	627
17		Bantuan Pertanian / Perikanan / Penternakan	642,970	15
18		Bantuan Motosikal Orang Kelainan Upaya (OKU)	-	
19		Bantuan Pembelian Kenderaan Perniagaan Dan Perkhidmatan	9,783	2
20		Bantuan Latihan Kemahiran Industri	759,000	60
JUMLAH (RM)			4,043,753	704
21	PERUBATAN	Bantuan Perubatan Am	15,997,048	1,778
22		Bantuan Peralatan Kesihatan	1,310,002	775
23		Bantuan Dialisis	20,127,050	753
24		Bantuan Orang Kelainan Upaya (OKU)	2,803,466	412
JUMLAH (RM)			40,237,566	3,718
25	PENDIDIKAN	Bantuan Am Persekolahan / Persediaan Sekolah Berasrama	24,309,280	34,294
26		Bantuan Pakaian Dan Peralatan Persekolahan	8,958,415	1
27		Bantuan Biasiswa Sekolah	-	
28		Bantuan Tuisyen	-	
29		Bantuan Am Pelajaran IPT / Persediaan IPT	19,653,550	6,711
30		Bantuan Pelajaran Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI)	35,251,308	1
31		Bantuan Pelajaran Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL)	10,716,206	1
32		Bantuan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang	3,814,685	265
33		Bantuan Galakan Ha faz Al-Quran	1,183,000	442
34		Bantuan Pemantapan Agama Islam	-	
35		Bantuan Komputer Riba Kepada Mahasiswa	-	
36		Bantuan Penyelesaian Pembiayaan Pinjaman Pendidikan	40,967	1
JUMLAH (RM)			103,927,411	41,716

BIL	KLUSTER BANTUAN	SKIM BANTUAN	JUMLAH (RM)	BILANGAN PENERIMA
37	PEMBANGUNAN UMMAH	Bantuan Kepada Agensi / Badan Bukan Kerajaan (NGO)	142,193,231	733
38		Bantuan Kepada Institut Tahfiz Dan Rumah Perlindungan	669,740	7
JUMLAH (RM)			142,862,971	740
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			616,547,771	184,088

MAIWP cawangan Putrajaya pada tahun 2023 telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- **Menyantuni 7,983** orang asnaf menerusi skim agihan zakat melibatkan jumlah kelulusan bantuan sebanyak RM6 juta.
- **Mengadakan** sebanyak 11 aktiviti turun padang menziarahi mereka yang dalam kesusahan di sekitar Putrajaya
- **Menguruskan** operasi Tadika Islam MAIWP di Putrajaya sebanyak 7 buah dengan bilangan pelajar seramai 680 orang.
- **Menganjurkan** Majlis Semarak Syawal bersama asnaf di Putrajaya pada 18 Mei 2023 yang menyaksikan kehadiran 300 orang.
- **Menganjurkan** buat pertama kalinya Majlis Ramah Mesra Aidilfitri bersama asnaf di Putrajaya yang menyaksikan kehadiran 10 keluarga bagi membeli pakaian hari raya.



MAIWP cawangan Labuan pada tahun 2023 telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- **Menyantuni 25,930** orang asnaf serta NGO menerusi skim agihan zakat melibatkan jumlah bantuan sebanyak **RM61.59 juta**
- **Menguruskan** operasi Tadika Islam MAIWP di Labuan sebanyak **4 buah** dengan bilangan pelajar seramai **256 orang**
- **Menguruskan** operasi Kompleks Darul Kifayah MAIWP di Labuan dengan bilangan penghuni seramai **76 orang**
- **Melaksanakan** aktiviti turun padang ke rumah penerima bantuan yang melibatkan seramai 1,121 orang asnaf (penerima Skim Bantuan Kewangan Bulanan, Skim Bantuan Sewa Rumah Bulanan dan Skim Bantuan Perniagaan).


Melaksanakan program untuk asnaf seperti:

1. KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan KDYMM Seri Paduka Raja Permaisuri Agong sempurnakan serahan surat tawaran rumah kepada 50 asnaf MAIWP di Labuan
2. Program Nur Ramadan
3. Program Kunjung Ziarah MAIWP (sahur)



4. Kunjung Ziarah MAIWP bersama PPZ dengan menyantuni 10 buah rumah asnaf terpilih
 5. Ziarah Ramadan melibatkan 12 buah rumah asnaf
 6. Program Rahmah Ramadan- Sinar Aidilfitri (100 penerima - 17 keluarga)
 7. Kunjung Ziarah Ramadan MAIWP bersama Jabatan Penerangan WP Labuan
 8. (6 buah rumah)
 9. Program Latihan Kemahiran Industri - Pakar Minyak & Gas Bertauliah
 10. Agihan makanan berbungkus Usahawan Foodtruck MAIWP
 11. Majlis Tautan Kasih Aidilfitri Bersama Asnaf 2023
 12. Ziarah Syawal MAIWP Labuan
 13. Program Latihan Kemahiran Industri - *Underwater Drone a.k.a Rov Pilot*
 14. Majlis Perasmian Laman Cendawan MAIWP Labuan
 15. Program Latihan Kemahiran Industri, Kursus Pensijilan Minyak dan Gas di Accelution Advisor Sdn Bhd
 16. Program terapi minda "Asnaf Terjaga-Minda Sihat Emosi Sejahtera"
 17. Kursus Pengukuhan Jati Diri Usahawan Tani MAIWP Labuan 2023
 18. Program *Place and Train Fiber Optic Technician* 2023
 19. Kursus Kesedaran Halal 2023
 20. Program Keusahawanan Makanan Berkonsepkan Komersial Steril (RETORT)
 21. Taklimat Pengurusan Kewangan bagi Projek Laman Hidroponik MAIWP Labuan
 22. Program Pembangunan Ekonomi Nelayan
 23. Program Pembangunan Spiritual Asnaf Mualaf
 24. Kursus Asas Urban Farming: Kursus Tanaman Cendawan Tiram Asnaf MAIWP
 25. Program Celik Ilmu
 26. Program Terapi Minda "Asnaf Terjaga"
 27. Program Perkasa Keluarga
 28. Kursus Asas Keusahawanan INSKEN
 29. Program Celik Ilmu Siri 1 & 2
 30. Bengkel Teknik Menjawab Soalan SPM 2023
 31. Program Kembara Kasih Asnaf
 32. Majlis Perasmian Laman Hidroponik MAIWP Labuan
 33. Program Khatan Perdana Siri 3/2023
- Lain-lain pencapaian:
1. Mengusahakan projek Laman Cendawan Asnaf MAIWP yang pertama di Labuan
 2. Mengusahakan projek Laman Hidroponik Asnaf MAIWP yang pertama di Labuan
 3. Tempat ketiga Pertandingan Perarakan Maulidur Rasul 1445H

BILANGAN PENGUNJUNG PAZA KUALA LUMPUR




► PENGURUSAN HARTANAH

Pengurusan Hartanah merupakan sebahagian tanggungjawab MAIWP bagi memastikan hartanah-hartanah di Wilayah Persekutuan dapat dimanfaatkan bagi tujuan pembangunan fizikal prasarana dan pembangunan sosio ekonomi umat Islam.

Pecahan Tanah Tahun 2023

KATEGORI	KELUASAN (EKAR)	BILANGAN
Kebajikan	699.39	327
Wakaf	38.45	80
Pusaka	25.54	24
Ekonomi	381.03	240

PROJEK SIAP



LAPORAN KESELURUHAN HARTANAH 2023 MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)

KATEGORI	NILAI TANAH (RM)	NILAI BANGUNAN (RM)	BILANGAN LOT	KELUASAN			PEGANGAN		
				(HEKTAR)	(EKAR)	(MPS)	KEKAL	PAJAKAN	WARTA/RIZAB
EKONOMI	831,716,010.84	238,365,683.21	243	167.782	414.599	1,677,821.279	44	199	-
KEBAJIKAN	2,206,573,409.21	845,801,693.34	197	81.431	201.220	814,309.952	168	29	-
WAKAF	31,220,836.25	6,382,259.43	88	19.879	49.123	198,791.850	41	47	-
PUSAKA	58,786,331.68	1,417,140.52	27	10.328	25.519	103,275.470	18	9	-
WARTA/RIZAB	-	42,745,747.61	133	434.589	1,073.895	4,345,896.624	-	-	133
JUMLAH KESELURUHAN	3,128,296,587.98	1,134,712,524.11	688	714.009	1,764.356	7,140,095.175	271	284	133
	4,263,009,112.09								



Ibu pejabat MAIWP di Lorong Haji Hussein 2, WP Kuala Lumpur

- i. Bangunan Menara MAIWP yang baharu itu dibina di atas tapak tanah seluas 24,000 kaki persegi terletak bersebelahan dengan bangunan Daruzzakah yang juga milik MAIWP.
- ii. Menara baru ibu pejabat MAIWP ini direkabentuk sebagai satu kesinambungan di antara yang baru dan yang lama.
- iii. Menara MAIWP yang dibina dengan kos RM264 juta mempunyai keluasan lantai sebanyak 297,000 kaki persegi mengandungi 16 tingkat ruang pejabat dan 8 tingkat tempat letak kenderaan.
- iv. Lokasinya yang terletak di Jalan Hussein, di tengah-tengah ibu kota mampu memberi kemudahan dan keselesaan kepada golongan asnaf untuk berurusan dengan agensi itu.
- v. Lokasi ini mudah diakses melalui kemudahan pengangkutan awam seperti bas, monorail dan terletak ditengah-tengah ibu kota Kuala Lumpur.
- vi. Tarikh mula pembinaan 1 September 2016 dan siap diduduki pada 7 Ogos 2023.

SURAU SMK SEGAMBUK JAYA, KUALA LUMPUR

- i. Pembinaan Surau Al-Muqarrabin SMK Segambut Jaya, Kuala Lumpur adalah daripada hasil infaq dana awam, sumbangan para ibu bapa dan guru-guru, sumbangan Jabatan Timbalan Perdana Menteri, serta sumbangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- ii. Kos pembinaan surau Al-Muqarrabin SMK Segambut Jaya ini memakan belanja sebanyak RM2.6 juta dan telah siap sepenuhnya pada 2 Oktober 2022. Surau ini telah diserahkan sepenuhnya kepada SMK Segambut Jaya pada 28 Februari 2023.
- iii. Surau Al-Muqarrabin SMK Segambut Jaya, Kuala Lumpur ini dibina bagi menyediakan kemudahan kepada murid-murid dan juga penduduk setempat bagi menunaikan solat berjemaah serta solat Jumaat.



TADIKA ISLAM PULAPOL KUALA LUMPUR SECARA REKA DAN BINA

- i. Tadika Islam MAIWP Pulapol terletak di dalam Kawasan Pusat Latihan Polis yang beralamat di Tadika Islam Pulapol, Jalan Semarak 54100 Kuala Lumpur.
- ii. Mesyuarat bersetuju meluluskan cadangan menjalankan kerja-kerja meroboh sebuah bangunan kayu sediaada. Merekabentuk, merancang, membina semula dan menyiapkan sebuah Tadika Islam baru berkapasiti 100 pelajar, 4 buah kelas, bilik guru, ruang riadah, pakir dan kemudahan-kemudahan serta kelengkapan-kelengkapan lain yang berkaitan.
- iii. Menaik taraf bangunan kayu sediaada kepada Tadika Islam baru dengan kapasiti yang lebih besar bagi menampung pertambahan jumlah pelajar & penduduk bagi menampung permintaan Tadika Islam di PULAPOL serta memberikan kemudahan dan keselesaan kepada komuniti / kakitangan atau orang yang bekerja di PULAPOL.
- iv. Penyerahan bangunan telah diadakan pada 29 Mei 2023 dan tarikh kelulusan CCC telah diperolehi dari DBKL pada 5 Januari 2024.



MENAIKTARAF DAN BAIKPULIH MASJID AN NUR LABUAN

- i. Mesyuarat telah menimbang dan mengambil Keputusan bersetuju meluluskan permohonan berjumlah RM5,000,000.00 (Ringgit Malaysia: 5 juta Sahaja) bagi pelaksanaan projek menaiktaraf dan baikpulih Masjid An Nur Labuan di bawah asnaf Fisabilillah. Mesyuarat Khas Penyelarasan Susunatur dan Rekabentuk Bangunan bersama Perunding telah diadakan pada 26 September 2018.
- ii. Pihak kontraktor telah menyiapkan kerja-kerja dalaman iaitu membuka dinding batu-bata dan drywall sediaada serta pembinaan baru bilik AHU.
- iii. Kerja-kerja luaran iaitu penambahan septic tank baru telah disiapkan ditapak. Manakala luaran tertumpu kepada pembinaan tangga untuk ruang penyelenggaraan AHU, bumbung tambahan sedang dijalankan di luar masjid dan Kerja-kerja pendawaian elektrik. Kerja-kerja mekanikal untuk ducting aircond memerlukan perubahan lokasi pemasangan berdasarkan keadaan tapak kerja. Pihak masjid telah memohon beberapa keperluan tambahan kepada MAIWP Labuan untuk diperhalusi. Diantara keperluan tambahan tersebut adalah ubahsuai ruang pejabat, bilik mesyuarat, perubahan rekabentuk untuk bilik kuliah 1 & 2 serta penambahan pejabat Pusat Pengajian Saudara Kita (PPSK).
- iv. Pemantauan kecacatan dibuat secara berkala dan mengikut keperluan. Projek ini telah diserahkan kepada JAWI Labuan pada 27/11/2022.
- v. Projek telah disiapkan dan dikeluarkan Certificate of Practical Completion berkuatkuasa pada 30/04/2022. Defect Liaibility Period (mula berkuatkuasa pada 01/05/2022 hingga 30/04/2023).


Projek-projek dalam pembinaan / pengubahsuaian adalah:

- i. Masjid di Jalan Chan Chin Moi, Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur
- ii. Surau di Presint 11, Putrajaya secara reka dan bina
- iii. Surau di Presint 10, Putrajaya secara reka dan bina
- iv. Meroboh dan membina semula Masjid Sirajul Islam di Jalan Tanjung Aru, Labuan
- v. Meroboh dan membina semula Surau Baitulmakmur, Jalan Pohon Batu, Kampung Durian Tunjong, Labuan

- vi. Meroboh dan Membina Semula Surau Al-Ikhlasiah, Kampung Belukut, Labuan
- vii. Bangunan tambahan 5 tingkat untuk Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS, Mukim Batu, Kuala Lumpur
- viii. Pembinaan Sekolah Menengah Agama MAIWP Labuan, Kg Sg. Bedaun Labuan

► PENGURUSAN WAKAF


Wakaf merupakan instrumen kewangan dalam pembangunan yang meliputi pelbagai bidang seperti pendidikan, keagamaan, kesihatan dan sebagainya. Pada tahun 2023, MAIWP mempertingkatkan promosi kutipan wakaf di Wilayah Persekutuan dengan melantik agen kutipan dan beberapa syarikat korporat sebagai mutawalli bagi menguruskan dana wakaf di Wilayah Persekutuan. Selain daripada itu, kesedaran umat islam terhadap ibadah wakaf memberi kesan kepada peningkatan pemilikan aset-aset wakaf oleh MAIWP untuk manfaat umat islam di Wilayah Persekutuan.




MAKLUMAT KUTIPAN WAKAF TUNAI MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

TAHUN	TUNAI AM (RM)	TUNAI KHAS (RM)
2012	215,000.00	-
2013	9,590.00	-
2014	230,280.29	-
2015	117,543.77	3,000,000.00
2016	330,502.13	34,500.00
2017	376,234.81	-
2018	668,873.12	314,940.36
2019	1,762,910.12	4,770,306.98
2020	702,852.78	3,252,767.75
2021	791,060.53	1,803,248.52
2022	1,957,786.57	1,994,899.99
2023	2,605,865.05	5,253,531.42

i. Dana Wakaf Tunai MAIWP seperti berikut:-



ii. Pelaburan Dana Wakaf Tunai Am Dalam Simpanan Tetap Skim Perbankan Islam (SPI)



MUTAWALLI

Maklumat Kutipan Dana Wakaf Pendidikan bagi Tahun 2023

BIL	INSTITUSI PENDIDIKAN	JUMLAH KUTIPAN (RM)
1.	Universiti Malaya	130,643.88
2.	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	77,928.00
3.	Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur	216,970.72
4.	Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur	30,238.65
5.	Kolej Poly-Tech MARA	107,583.53
6.	Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI)	38,229.10

Maklumat Kutipan Keseluruhan Dana Wakaf Pendidikan MAIWP

BIL	INSTITUSI	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)	JUMLAH KUTIPAN (RM)
1.	UM	87,938.48	88,842.00	127,447.83	150,324.20	130,643.88	585,196.39
2.	UPNM	45,895.56	109,670.00	111,249.00	296,253.00	77,928.00	883,576.33
3.	UTMKL	37,097.45	197,163.40	456,387.49	382,582.39	216,970.72	1,290,201.15
4.	KPBKL	90,880.70	57,906.94	45,001.44	102,871.28	107,583.53	435,342.46
5.	KPTM	-	125,980.40	82,124.12	118,654.41	30,238.65	356,997.58
6.	PICOMS	-	413,208.50	79,841.79	118,654.41	38,229.10	1,048,661.51

PENGURUSAN HARTANAH WAKAF MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

Senarai Hartanah Wakaf

1. Pendaftaran Hartanah Wakaf bagi Tahun 2023

BIL.	NAMA PEWAKAF	HARTA WAKAF	JENIS WAKAF	TARIKH PENDAFTARAN
1.	Puan Robiyah binti Husin	Satu Unit Rumah Apartment	Wakaf Am	22 Februari 2023
2.	Encik Adnan bin Kassim	Satu Unit Rumah	Wakaf Am	10 Mac 2023
3.	Datin Maryam binti Mohamed Taib	Satu Lot Tanah	Wakaf Am	16 Mac 2023
4.	Dr. Mohd Muzafar Shah bin Mohd Razali	Dua Unit Rumah Kediaman	Wakaf Khas	20 Mac 2023
5.	Puan Safiah Hanom binti Mohd Annuar & Puan Zulfiqar binti Muhamed Annuar	Satu Unit Rumah	Wakaf Am	10 Jun 2023
6.	Puan Rolah binti Zakaria	Satu Unit Rumah	Wakaf Am	22 Julai 2023
7.	Puan Roshani binti Mohd Nor	Satu Unit Rumah	Wakaf Am	27 Oktober 2023
8.	Dr. Ab Mumin bin Ab Ghani	Satu Unit Rumah Apartment	Wakaf Khas	6 Disember 2023
9.	Puan Lonhadni binti Mohamed Wahie	Satu Unit Rumah	Wakaf Am	6 Disember 2023

PENCAPAIAN DAN AKTIVITI WAKAF BAGI TAHUN 2023

I. Majlis Pecah Tanah Pembinaan Surau Ibnu Sina Hospital Putrajaya

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) akan membina sebuah surau di Hospital Putrajaya dengan menggunakan peruntukan Kutipan Dana Wakaf Tunai berjumlah RM4.8 juta. Bangunan Surau Ibnu Sina setinggi dua tingkat berkeluasan 3,856 meter persegi tersebut boleh memuatkan sehingga 1,000 jemaah pada satu-satu masa.

Pembinaan Surau Ibnu Sina bagi menyediakan keselesaan kepada warga kerja, pelawat dan kakitangan Hospital Putrajaya untuk beribadah dan Fasiliti surau tersebut juga boleh dimanfaatkan oleh pelawat dari

Institut Kanser Negara yang terletak bersebelahan Hospital Putrajaya.

Majlis Pecah Tanah Pembinaan Surau Ibnu Sina Hospital Putrajaya telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Senator Datuk Setia Dr. Mohd Naim Mokhtar pada 14 Disember 2023 dan turut hadir bersama ialah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, MAIWP YBhg. Datuk Mohd Nizam bin Haji Yahya dan Pengarah Hospital Putrajaya YBhg. Dr. Suraya Amir Husin.



► PENDIDIKAN


PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Aktiviti pembangunan modal insan MAIWP bermula daripada peringkat umur 2 tahun hingga 6 tahun di Institusi Pendidikan Awal Kanak-Kanak iaitu Taska Permata Junior MAIWP Dan Tadika Islam MAIWP.

A) TASKA PERMATA JUNIOR MAIWP

- Melaksanakan program Pengasuhan & Pendidikan Awal Kanak-kanak atau dikenali sebagai Taman Asuhan Kanak-Kanak Permata Junior MAIWP (TASKA) bagi kanak-kanak yang berusia 2 hingga 4 tahun.
- Beroperasi di Masjid Wilayah Persekutuan dan Bangunan Daruzzakah dengan jumlah kanak-kanak seramai 46 orang.
- Menyediakan suasana pembelajaran yang berorientasikan 'Belajar Melalui Bermain' (*learning through play*) bagi merangsang setiap perkembangan personaliti dan minda kanak-kanak.
- Seramai 90 % kanak-kanak yang berumur 3 dan 4 tahun berjaya diberi pendedahan 10 Surah Lazim dan 10 Doa Harian serta kemahiran sendiri.

Statistik Kanak-Kanak di Taska Permata Junior MAIWP Tahun 2019-2023




B) PERMATA MAIWP (PRASEKOLAH)

- Melaksanakan program pendidikan prasekolah bagi kanak-kanak yang berumur 5 dan 6 tahun dengan menggunakan kurikulum kebangsaan iaitu Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).
- Menyediakan suasana pembelajaran yang berorientasikan pendidikan Islam dan arus perdana dalam usaha mengembangkan

kemahiran asas dan potensi kanak-kanak dalam segala aspek perkembangannya sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan yang sebenar (formal).

- Terdapat seramai 5,263 orang pelajar yang terdiri daripada 73 buah Tadika Permata MAIWP dan 4 buah Tadika MAIWP Kids iaitu 66 di Kuala Lumpur, 7 Putrajaya dan 4 Labuan. Jumlah pelajar di 4 buah MAIWP Kids adalah seramai 763 orang.

Jumlah Pelajar Permata MAIWP Tahun 2019-2023



Bagi penambahbaikan teknologi bagi tahun 2023, MAIWP telah membangunkan *Future Classroom* di Institusi MAIWP:

- 7 buah *Future Classroom* dibangunkan dengan konsep futuristik menggunakan peralatan teknologi canggih bagi menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).
- Pendekatan *Flipped Classroom* digunakan, di mana pelajar menjadi lebih aktif dalam pembelajaran melalui pembentangan secara langsung di dalam kelas.

Selain itu, **Sistem Permata MAIWP** juga telah dibangunkan bagi memudahkan proses permohonan kemasukan sekolah, pengurusan pelajar dan pembayaran yuran secara atas talian tanpa tunai. Sistem ini menyokong lebih daripada 5,000 pelajar di 77 buah Permata MAIWP, dengan proses penilaian yang lebih cepat, mengurangkan birokrasi dan meningkatkan kecekapan operasi.


PENDIDIKAN PERINGKAT MENENGAH

Pembangunan modal insan di peringkat menengah diteruskan oleh MAIWP menerusi 5 buah institusi di bawahnya.


A) SEKOLAH MENENGAH AGAMA MAIWP

- Beroperasi di Bandar Sri Permaisuri, Cheras dan merupakan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK)
- Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang melaksanakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) bermula Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. SMA MAIWP juga mempunyai pelajar Tingkatan Enam yang mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).
- Jumlah murid di SMA-MAIWP adalah seramai 621 orang.
- Gred Purata Sekolah (GPS) bagi Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2023 adalah 2.08 dengan murid mendapat kesemua A bagi 11 subjek adalah seramai 12 orang.
- GPS bagi Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) tahun 2023 adalah 2.79 dengan pelajar mendapat Mumtaz adalah seramai 3 Ini merupakan tahun pertama SMA MAIWP mengambil peperiksaan STAM.


Pecahan Pelajar SMA-MAIWP Tahun 2023



Pencapaian Pelajar SMA-MAIWP SPM Tahun 2023 Berdasarkan Bilangan "A"




Pencapaian Gred Purata Sekolah SMA-MAIWP Bagi Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2019-2023



* Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik

Pencapaian Pelajar SMA-MAIWP Sijil Tinggi Agama Malaysia Tahun 2023




Pencapaian SPM tahun 2023

Tempat ke 7 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur


B) SEKOLAH MENENGAH AGAMA MAIWP LABUAN

- Beroperasi di Kampung Lubuk Temiang, Labuan
- Pada tahun 2023, jumlah pelajar di SMA-MAIWP Labuan adalah seramai 223 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak.
- Gred Purata Sekolah (GPS) bagi Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2023 adalah 3.28 bagi 15 matapelajaran kesemuanya. Pencapaian terbaik 2 orang mendapat 10A, 2 orang mendapat 9A, 1 orang mendapat 7A, 36 orang mendapat bawah 6 A. Peratusan layak mendapat sijil dikekalkan 100% seperti peratusan terdahulu.


Pecahan Pelajar SMA-MAIWP Labuan Tahun 2023



Pencapaian Pelajar SMA-MAIWP Labuan SPM Tahun 2023 Berdasarkan Bilangan "A"



Pencapaian Bagi Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2019-2023 Gred Purata Sekolah SMA-MAIWP Labuan



* Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik

Pencapaian Kokurikulum tahun 2023:



Pencapaian Kebangsaan:

1. Young Stemist Conference- tempat ke 5




Peringkat Negeri

1. Johan - Karnival KMR dan PBL STEM Bersepadu 2023/2024
2. Nasyid (solo terbaik & lagu terbaik)


C) SEKOLAH MENENGAH INTEGRASI SAINS TAHFIZ (SMISTA)

- Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang melaksanakan 2 kurikulum bersepadu iaitu Kurikulum Perdana KBSM/KSSM dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)
- Beroperasi di Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur
- Pada tahun 2023, jumlah murid di SMISTA adalah seramai 372 orang
- Gred Purata Sekolah (GPS) bagi Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2023 adalah 1.90 dengan murid mendapat kesemua A bagi 12 subjek adalah seramai 5 orang.

Pecahan Pelajar SMISTA Tahun 2023




Pencapaian Gred Purata Sekolah SMISTA Bagi Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2019-2023




* Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik

Pencapaian Pelajar SMISTA SPM Tahun 2023 Berdasarkan Bilangan "A"



- SMISTA memenangi Johan Pertandingan Hafazan al-Quran ITQAN Peringkat Kebangsaan kali ke 15 kategori 10 Juz Perempuan. Johan Hafazan al-Quran kategori 30 Juz Lelaki Majlis Ihtifal Ilmi Sekolah-sekolah Menengah Malaysia (MISSMAM).


Pecahan Pelajar Pondok Moden Al-'Abaqirah Tahun 2023



D) PONDOK MODEN AL-'ABAQIRAH (PMA)


- Merupakan institusi pengajian bawah MAIWP yang melaksanakan kurikulum berteraskan kitab-kitab turath yang diintegrasikan dengan pembelajaran akademik arus perdana dan hafazan Al-Quran.
- Mempunyai seramai 110 orang pelajar pada tahun 2023
- Gred Purata Sekolah (GPS) bagi Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2023 adalah 1.97. Murid yang mendapat kesemua A bagi 8 subjek adalah seramai 9 orang.
- GPS bagi Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) tahun 2023 adalah 1.97 dengan pelajar mendapat Mumtaz adalah seramai 2 orang. Ini merupakan tahun ketujuh PMA MAIWP mengambil peperiksaan STAM.

Pencapaian Gred Purata Sekolah PMA Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2019-2023




* Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik

Pencapaian Pelajar PMA Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2019 - 2023 Berdasarkan Bilangan "A"




Pencapaian Gred Purata Sekolah PMA Bagi Sijil Tinggi Agama Malaysia STAM Tahun 2017-2023



* Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik

Pencapaian Pelajar PMA Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2023



PENDIDIKAN VOKASIONAL: INSTITUT KEMAHIRAN BAITULMAL

MAIWP turut mempunyai sebuah institusi yang memberikan latihan kemahiran kepada anak-anak daripada keluarga yang kurang berkemampuan dikenali sebagai Institut Kemahiran Baitulmal (IKB).

Program kemahiran yang ditawarkan mendapat pentauliah daripada agensi seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Suruhanjaya Tenaga (ST).

Pada tahun 2023, terdapat seramai 166 pelajar di IKB.


PECAHAN PELAJAR IKB TAHUN 2023

KURSUS	BILANGAN PELAJAR	
	TAHUN 1	TAHUN 2
DIPLOMA TEKNOLOGI REKA BENTUK FESYEN	0	11
REKAAN FESYEN & PEMBUATAN PAKAIAN WANITA	12	11
REKAAN FESYEN & PEMBUATAN PAKAIAN LELAKI	10	12
PERKHIDMATAN & PENYAJIAN MAKANAN	14	20
KEJURUTERAAN ELEKTRIK	19	15
SENI LUKIS & SENIREKA	14	0
TEKNOLOGI BINAAN BANGUNAN	17	11
JUMLAH	86	80

Tahun 2023, IKB telah berjaya melahirkan seramai 11 orang graduan kumpulan pertama program Diploma Teknologi Reka Bentuk Fesyen. Program ini mula ditawarkan pada tahun 2022 dengan tempoh pengajian selama 1 tahun 6 bulan (18 bulan). Kumpulan graduan ini telah diraikan dalam Majlis Penganugerahan Sijil Institut Kemahiran Baitulmal Kali Ke-29 Tahun 2023

Pada tahun 2023, seramai 80 orang pelajar peringkat sijil kemahiran dan diploma kemahiran telah berjaya menamatkan pengajian di IKB.

Perbandingan Lulusan IKB Mengikut Kursus dari Tahun 2018-2023



PENGAJIAN WARGA EMAS: DARUL ILMI

Menyedari keperluan pendidikan sepanjang hayat, MAIWP telah memanfaatkan kemampuan yang ada untuk menyediakan pengajian agama secara intensif kepada warga emas. Ia dilaksanakan menerusi institusi yang dinamakan Darul Ilmi di mana menerapkan kaedah pengajian pondok dengan pendekatan moden. Ia ditubuhkan selari dengan hasrat Ir. Haji Mohd Mazlan bin Hj. Md. Ismail Merican yang mewakafkan hartanahnya untuk pusat pengajian warga emas.

Di Darul Ilmi, warga emas akan mengikuti kelas pengajian yang sistematik dengan menekankan kepada pengajian Al-Quran, Fardu Ain dan Fardu Kifayah bersumberkan rujukan daripada kitab-kitab muktabar. Ilmu-ilmu berkaitan Al-Quran (Tajwid, Tadabbur & Hafazan), Fiqh (Ibadah, Muamalat, Munakahat & Jinayat), Adab, Tasawuf, Tauhid, Hadis, Sirah dan Ruqyah Syar'iyah diajar oleh tenaga pengajar bertauliah sepanjang tempoh 2 tahun.

Pada tahun 2023, terdapat seramai 15 orang penuntut di Darul Ilmi berusia antara 55-70 tahun.

KEBAJIKAN

Selain aktiviti pendidikan, MAIWP turut memberi perhatian terhadap beberapa kelompok umat Islam yang kurang bernasib baik menerusi beberapa institusi.

DARUL KIFAYAH



Memberi perlindungan berkonsepkan asrama kepada anak yatim, anak fakir miskin dan anak-anak golongan saudara baru (mualaf).




Para pelajar dihantar mengikuti pendidikan secara formal di sekolah-sekolah kebangsaan.



Pada tahun 2023, terdapat seramai 203 orang pelajar di Darul Kifayah yang mana 91 orang pelajar lelaki dan 112 orang pelajar perempuan.

Statistik Pelajar Darul Kifayah 2019-2023



Pada tahun 2023, terdapat seramai 35 orang pelajar Darul Kifayah yang menduduki SPM dan seramai 19 orang pelajar telah berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

DAR ASSAADAH



Menyediakan perlindungan sementara, bimbingan agama dan latihan vokasional kepada wanita dan gadis Islam yang terjejak dalam gejala sosial.



Menempatkan seramai 33 orang pelatih pada tahun 2023.




Seramai 7 orang pelatih telah berjaya menyambung pengajian dalam bidang kemahiran dan akademik di institusi pengajian tinggi Awam dan Swasta untuk peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.



Sasaran 93% pelatih boleh membaca Iqra' dan Al-Quran dengan baik serta Asas Fardhu Ain berjaya dicapai.

Statistik Penghuni Dar Assaadah 2019-2023



► SEJARAH & PERKEMBANGAN INSTITUSI DI BAWAH MAIWP

DARUL KIFAYAH

- Ditubuhkan berdasarkan keputusan Mesyuarat MAIWP yang bersidang pada 20 Ogos 1983 bagi menjaga kebajikan anak-anak yatim di Wilayah Persekutuan.
- Operasi bermula di Kampung Batu, Batu 5, Jalan Sultan Azlan Shah sebelum ianya dipindahkan buat sementara waktu ke Taman Bukit Anggerik, Cheras pada tahun 1992 bagi membolehkan pembinaan bangunan baharu Darul Kifayah dilaksanakan.

- ▶ Upacara perletakan batu asas bangunan baru telah disempurnakan oleh Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Haji Mohammad Noor (sekarang Tan Sri) selaku Pengerusi MAIWP ketika itu.
- ▶ Pada Oktober 1993, Darul Kifayah telah beroperasi di premis baru yang telah siap dibina. Perasmian premis baru disempurnakan pada 5 Januari 1996 oleh Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad (sekarang Tun) Perdana Menteri Malaysia ketika itu.
- ▶ Pada 17 Disember 2007, Darul Kifayah telah berpindah ke premis baru di Lot 28188 Jalan 36/10, Taman Koperasi Polis Fasa 2, Kuala Lumpur yang mampu menampung seramai lebih kurang 500 orang pelajar serta memberi kemudahan dan tempat tinggal yang lebih sempurna dan selesa.
- ▶ Prasarana di Darul Kifayah telah dinaiktaraf dengan pembinaan beberapa blok baru termasuk surau Jumaat bernilai keseluruhan RM20.6 juta. Pembangunan dibuat bagi memberi lebih keselesaan dan mampu menampung sehingga 750 orang penghuni. Projek menaiktaraf ini telah siap sepenuhnya pada tahun 2015.

DAR ASSAADAH

- ▶ Ditubuhkan berdasarkan keputusan Mesyuarat MAIWP pada 2 Ogos 1985 yang bertujuan untuk memberi perlindungan dan tempat tinggal sementara kepada gadis/wanita berumur antara 18 hingga 33 tahun yang mempunyai masalah dari segi akhlak dan sosial serta mereka-mereka yang teraniaya.
- ▶ Tempoh perlindungan dan pemulihan dilaksanakan selama 2 tahun.
- ▶ Program dan aktiviti yang dilaksanakan di Dar Assaadah ialah seperti kelas-kelas bimbingan agama dan kaunseling, kelas kemahiran memasak, menjahit dan kraftangan serta program-program pembangunan sahsiah dan motivasi diri.
- ▶ Dar Assaadah mula beroperasi pada November 1989 di sebuah blok bangunan rumah kedai di Taman Bukit Anggerik, Cheras Kuala Lumpur dengan kemasukan penghuni seramai 9 orang.
- ▶ Berpindah sebanyak 2 kali iaitu pada tahun 1996 ke sebuah lot rumah banglo milik MAIWP di No 149 Jalan Gurney 3, Datuk Keramat Kuala Lumpur dan pada 2 Februari 2000 ke sebuah kompleks milik MAIWP di Lot 28188 Jalan 26/10, Taman Koperasi Polis Fasa 2, 68100 Batu Caves, Kuala Lumpur.
- ▶ Diberi nama sebagai Dar Assaadah secara rasminya pada tahun 2001.

- ▶ Pada akhir tahun 2007, Dar Assaadah telah berpindah ke Kampung Batu Delima, Batu 5, Jalan Sultan Azlan Shah yang sebelum itu menempatkan penghuni anak yatim Darul Kifayah. Perpindahan dibuat bagi memberi ruang yang lebih selesa kepada penghuni Darul Kifayah yang semakin bertambah dari tahun ke tahun.

INSTITUT KEMAHIRAN BAITULMAL

- ▶ Ditubuhkan pada tahun 1991 menerusi idea awal oleh YB Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Haji Mohammad Noor, Pengerusi MAIWP pada ketika itu.
- ▶ Ditubuhkan bertujuan untuk membantu membasmi kemiskinan di kalangan keluarga Islam di Malaysia khususnya di Wilayah Persekutuan dengan memberikan latihan kemahiran kepada anak-anak keluarga fakir dan miskin
- ▶ Dikenali sebagai Pusat Latihan Fakir Miskin pada awal penubuhan, seterusnya Pusat Latihan Kemahiran Baitulmal (PLKB) dan tahun 1996 telah dinaik taraf sebagai Institut Kemahiran Baitulmal.
- ▶ IKB mula beroperasi pada 18 Mac 1991 dengan menawarkan tiga kursus iaitu Kursus Jahitan Pakaian Lelaki, Kursus Jahitan Pakaian Wanita dan Kursus Senilukis Kreatif dan Kemasan Semburan.
- ▶ Setelah terbinanya bangunan 4 tingkat, pada tahun 1995 IKB telah menambah 3 lagi kursus iaitu Kursus Kejuruteraan Elektrik, Kursus Masakan dan Katering dan Kursus Batik dan Cetakan Tekstil
- ▶ Di awal penubuhan, IKB menawarkan latihan selama setahun yang kemudiannya dilanjutkan kepada 2 tahun pada tahun 2004. Disamping penambahbaikan kepada kurikulum sedia ada, IKB turut memperlengkapkan pelajar-pelajar dengan subjek Pengajian Umum iaitu Pengajian Agama Islam, Asas Keusahawanan dan Aplikasi Komputer. Ia turut melibatkan penjenamaan semula kursus yang ditawarkan bagi memberi nilai tambah kepada kursus-kursus tersebut.
- ▶ Pada tahun 2006, IKB mula menawarkan kursus Teknologi Binaan Bangunan.
- ▶ Bangunan IKB telah dinaiktaraf dengan pembinaan beberapa blok baharu pada tahun 2012.
- ▶ Sehingga kini, sebanyak 6 kursus ditawarkan iaitu:
 - Rekaan Fesyen & Pembuatan Pakaian Wanita
 - Rekaan Fesyen & Pembuatan Pakaian Lelaki
 - Perkhidmatan Dan Penyajian Makanan
 - Kejuruteraan Elektrik

- Seni Lukis Dan Senireka
- Teknologi Binaan Bangunan
- ▶ Persijilan kursus di IKB:
 - Sijil Institut Kemahiran Baitulmal (IKB) MAIWP
 - Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Jabatan Pembangunan kemahiran
 - Perakuan Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga dengan Endorsan Pengujian (PW4), Suruhanjaya Tenaga (ST) - Kursus Kejuruteraan Elektrik
 - Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) – Kursus Teknologi Binaan Bangunan

TASKA PERMATA MAIWP JUNIOR

- ▶ Merupakan sebuah institusi penjagaan dan pendidikan harian bagi kanak-kanak yang berusia 2 hingga 4 tahun.
- ▶ Mula beroperasi pada 1 Disember 1996 di sebuah bangunan yang terletak di dalam kawasan IKB, Jalan Perkasa, Taman Maluri, Kuala Lumpur.
- ▶ Pada 22 November 2007, Mesyuarat MAIWP Kali Ke-102 telah bersetuju menubuhkan sebuah lagi Taska Darul Hannan bertempat di Dewan Nurseri, Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta, Kuala Lumpur yang telah dirasmikan pada 25 Februari 2010 oleh YB Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu.

SEKOLAH MENENGAH AGAMA MAIWP

- ▶ Ditubuhkan hasil keputusan Mesyuarat MAIWP yang bersidang pada 28 Julai 2006 yang bersetuju agar MAIWP menubuhkan Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP) di Wilayah Persekutuan sebagai kesinambungan pendidikan agama di sekolah-sekolah rendah agama di Wilayah Persekutuan.
- ▶ Mula beroperasi pada 22 Januari 2007 di satu blok bangunan Sekolah Rendah Agama (SRA) Othmaniah, Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur dengan bilangan pelajar seramai 181 orang.
- ▶ Ia merupakan sebuah sekolah berasrama dan semua pelajar diwajibkan tinggal di asrama sepanjang sesi persekolahan.
- ▶ Pada tahun 2010, SMA-MAIWP telah diserap menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).
- ▶ Pada Jun 2013, SMA-MAIWP telah berpindah ke premis tetap di Bandar Sri Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur apabila kompleks sekolah tersebut yang bernilai RM104.49 juta siap dibina dan dilengkapi

dengan blok pentadbiran dan akademik, bengkel, asrama, kuarters, surau dan pelbagai kemudahan lain.

- ▶ SMA-MAIWP telah diiktiraf sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan di atas pencapaian cemerlang sekolah pada tahun 2015.

TADIKA PERMATA MAIWP

- ▶ Tadika Islam telah mula wujud sejak tahun 1970-an dan operasi pelaksanaan ditadbir sepenuhnya oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Guru-guru yang dilantik adalah berstatus sementara dan hanya dibayar secara elaun melalui hasil yuran pelajar dan tambahan peruntukan kewangan MAIWP.
- ▶ Mesyuarat Penyusunan Semula Perjawatan JAWI bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 24 September 2007 di JAWI telah memutuskan bahawa pengurusan dan perjawatan guru-guru Tadika Islam diserahkan sepenuhnya kepada MAIWP.
- ▶ Pada 1 Januari 2009, operasi dan pentadbiran Tadika Islam diserahkan sepenuhnya kepada MAIWP dan majlis penyerahan tersebut secara rasminya telah disempurnakan pada 18 Mac 2009 oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu.
- ▶ Pada tahun 2023, Tadika MAIWP Kids (TMK) dirasmikan sebagai salah satu inisiatif MAIWP dalam memperkasakan institusi pendidikan awal kanak-kanak berkonsepkan Tadika Islam Modern. TMK mula beroperasi pada Mac 2022 di TMK Taman Tun Dr. Ismail (TTDI). TMK memberi penekanan kepada pendidikan digital dan interaktif melalui Future Classroom yang dilengkapi dengan pelbagai peralatan digital seperti Smart TV, Smart Board, rangkaian internet dan pelbagai kelengkapan terkini.
- ▶ Sehingga kini, terdapat sebanyak 77 buah Tadika di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

SEKOLAH MENENGAH INTEGRASI SAINS TAHFIZ (SMISTA)

- ▶ Mesyuarat MAIWP pada 27 Julai 2009 telah meluluskan penubuhan Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) MAIWP sebagai sebuah sekolah menengah akademik dan tahfiz yang pertama di Wilayah Persekutuan.
- ▶ SMISTA mula beroperasi pada 3 Januari 2011 di bangunan sementara iaitu berkongsi bangunan dengan Sekolah Menengah Agama MAIWP di Bandar Tun Razak Cheras dengan pengambilan pelajar seramai 55 orang.

- ▶ Pada 23 Disember 2011, operasi SMISTA berpindah ke bangunan sendiri di Danau Lumayan, Bandar Permaisuri, Cheras yang dilengkapi dengan kelas dan kemudahan asrama.
- ▶ Pada Jun 2013, SMISTA berpindah pula ke bangunan SMA MAIWP di Bandar Tun Razak, Cheras. Asrama pelajar pula ditempatkan di Kompleks SMA MAIWP, Bandar Permaisuri yang baru siap dibina untuk memberi lebih keselesaan kepada para pelajar.

DARUL ILMI

- ▶ Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf, Pusaka, Wasiat dan Sumber Am Bilangan 2 / 2011 telah membincangkan dan bersetuju dengan kertas konsep Penubuhan Pusat Pengajian Warga Emas MAIWP yang berumur 55 tahun ke atas.
- ▶ Ia ditubuhkan di atas tanah wakaf yang diwakafkan oleh Ir. Haji Mohd. Mazlan bin Hj. Md. Ismail Merican di Kampung Sungai Penchala, Kuala Lumpur seluas 1.7 ekar.
- ▶ Objektif utama adalah untuk melaksanakan Fardhu Kifayah kepada masyarakat di Wilayah Persekutuan serta memberi peluang kepada golongan warga emas untuk menimba ilmu agama dengan lebih mendalam sebagai bekalan di dunia dan akhirat
- ▶ Penubuhannya menjadikan MAIWP sebagai perintis kepada Majlis Agama Islam Negeri mewujudkan Pusat Pengajian Islam Warga Emas (Pondok Moden) yang selama ini dipelopori oleh badan-badan bukan kerajaan.
- ▶ Mula beroperasi pada 12 Mac 2012 dengan nama Dar Assakinah sebelum ditukar nama kepada Darul Ilmi pada 23 Mac 2015.
- ▶ Menggunakan konsep pusat pengajian Pondok Moden Islam yang menyediakan kemudahan penginapan dan pembelajaran yang bersesuaian dengan warga emas serta bukan berkonsepkan pusat jagaan warga emas.

- ▶ Konsep yang dilaksanakan ini merupakan tanggungjawab MAIWP dalam menyediakan pembelajaran sepanjang hayat khususnya di kalangan masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan dan di Malaysia amnya.

PONDOK MODEN AL-'ABAQIRAH

- ▶ Mesyuarat MAIWP pada 23 Mac 2015 telah meluluskan penubuhan Pondok Moden Al-'Abaqirah.
- ▶ PMA mensasarkan pelajar-pelajar yang tamat PT3 atau yang setaraf dengannya serta minat yang mendalam dalam Ilmu Islam dan menghafaz sebahagian Al-Quran. Manakala tempoh pengajian adalah selama empat tahun (lapan semester). Pembelajaran menggabungkan akademik dan pengajian kitab thurath.
- ▶ Majlis Pelancaran Pondok Moden Al-'Abaqirah (PMA) telah dirasmikan pada 1 Julai 2015 oleh YB Mejar Jeneral Datuk Seri Jamil Khir bin Hj Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MAIWP ketika itu.
- ▶ PMA telah mula beroperasi pada Ogos 2015 dengan pengambilan pelajar pertama seramai 44 orang di Bangunan Darul Hidayah MAIWP, Kampung Baru Kuala Lumpur.
- ▶ Pada tahun 2016, operasi telah dipindahkan ke bangunan yang lebih selesa iaitu di bangunan Darul Kifayah, Taman Batu Muda, Batu Caves.
- ▶ Pada Januari 2023, PMA telah digabungkan dengan Ma'alim Al-Sunan Li- Dirasati Al-Sunnah Al-Nabawiyah (MSN).
- ▶ Penggabungan ini menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) ditambah dengan sistem pengajian turathi (Bahasa Arab & ilmu hadis) selain hafazan Al-Quran, hadis-hadis pilihan serta matan-matan asas ilmu Islam.



► PEMBANGUNAN UMMAH

Aktiviti Pembangunan Asnaf dilaksanakan oleh MAIWP untuk mengupayakan potensi asnaf agar tidak terus berada dalam kemiskinan. Sebahagian daripada mereka yang berpotensi akan dilatih dan dibimbing sehingga mampu menjadi pembayar zakat.

Aktiviti ini dirancang menerusi 4 program utama iaitu Pembangunan Usahawanan, Latihan & Kerjaya, Pengurusan Agro dan Pembangunan Kerohanian.

PEMBANGUNAN USAHAWAN

▼
1,614 Peserta

PROGRAM PEMBANGUNAN ASNAF 1 BIMBINGAN KEUSAHAWANAN

► Tahap 1 (Asas)

Janaan hasil jualan sehingga

RM5,000.00

Bilangan peserta

525 orang

► Tahap 2 (Pembangunan)

Janaan hasil jualan sehingga

RM10,000.00

Bilangan peserta

865 orang

► Tahap 3 (Perkembangan)

Janaan hasil jualan melebihi

RM10,000.00

Bilangan peserta

224 orang

Kerjasama strategik dengan beberapa agensi berpengalaman telah dibuat bagi melatih golongan asnaf seperti Hab Halal JAKIM, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Small and Medium Enterprises Corporation

(SME Corp.), TNB Integrated Learning Solution (ILSAS), University Putra Malaysia (UPM), University Kuala Lumpur BMI, Bank Islam Malaysia Berhad, Malayan Banking Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.



PROGRAM PEMBANGUNAN ASNAF 2: LATIHAN & KERJAYA

Program ini membantu Generasi Kedua daripada anak-anak keluarga asnaf dengan memberi peluang kepada mereka mengikuti latihan / pengajian dengan jaminan kerjaya berpendapatan minima sebanyak RM1,500.00 sebulan.

LATIHAN & KERJAYA

143 Peserta



Bidang latihan yang disediakan adalah seperti Kursus Jangka Pendek (KJP): Bilangan peserta 120 orang



Sijil Kemahiran Malaysia (SKM): Bilangan peserta 20 orang



Termasuk juga, Kursus Profesional: Bilangan peserta 3 orang

PROGRAM PEMBANGUNAN ASNAF 3: PENGURUSAN AGRO

Pertanian Bandar merupakan inisiatif terbaru yang diambil oleh MAIWP bagi mempelbagaikan kemahiran golongan asnaf.

Peserta dilatih menerusi Program Hidroponik (Green House), Fertigasi & Rumah Cendawan.

MAIWP telah membuka 11 Green House, 2 tapak Fertigasi dan Rumah Cendawan Asnaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.



PENGURUSAN AGROUSAHAWAN

331 peserta

Program Hidroponik ▶ Bilangan peserta **300** orang

Program Fertigasi Cili ▶ Bilangan peserta **15** orang

Program Fertigasi Terung ▶ Bilangan peserta **9** orang

Rumah Cendawan ▶ Bilangan peserta **7** orang



PROGRAM PEMBANGUNAN ASNAF 4: PEMBANGUNAN KEROHANIAN

Program Pembangunan Kerohanian adalah membimbing dan mendidik asnaf agar mempunyai jatidiri yang berkualiti serta mengubah mentaliti mereka untuk berjaya dalam akademik / komuniti.

Seramai 1,200 orang telah mengikuti Program Kerohanian yang dinamakan

1. **Soul Journey Asnaf MAIWP (SJAM)**
2. **Kemenjadian Da'ie** ▶ Bilangan peserta **76** orang
3. **Urban Dakwah Centre** ▶ Bilangan peserta **150** orang
4. **Pesona Cinta - Melayar Bahtera Hidup** ▶ Bilangan peserta **68** orang



Manakala program kepada Generasi Kedua turut dilaksanakan:

1. **Kembara Ultimate Success** ▶ Bilangan peserta **258** orang
2. **Smart Leadership** ▶ Bilangan peserta **300** orang
3. **Kecemerlangan Pelajar & Mahasiswa** ▶ Bilangan peserta **540** orang
4. **Next Future Leader** ▶ Bilangan peserta **112** orang

PROGRAM KEROHANIAN

2,704 peserta



IMPAK PROGRAM PEMBANGUNAN ASNAF MAIWP



**Usahawan Capai
Hasil Jualan
Melebihi**

RM10,000.00



**Peserta Usahawan
Membayar Zakat**

416



**Anak Asnaf Yang
Berjaya Mendapat
Pekerjaan**

143



BANTUAN KERAJAAN


MAIWP pada tahun 2023 menerima geran kerajaan berjumlah 23.8 juta bagi tujuan perbelanjaan mengurus yang telah dibelanjakan sepenuhnya.

SUMBER MANUSIA

Pada tahun 2023, terdapat seramai 1180 orang pegawai di MAIWP dengan pengambilan seramai 43 orang pegawai baru.

Pecahan Perjawatan Tahun 2023

BIL.	KUMPULAN	BILANGAN		
		PINJAMAN	TETAP	KONTRAK
1	Pengurusan Tertinggi (JUSA B & C)	-	2	-
2	Pengurusan & Profesional (Gred 41-54)	-	78	106
3	Sokongan I (Gred 27- 40)	-	103	124
4	Sokongan II (Gred 1-26)	-	191	576
JUMLAH			1180	



MAIWP sentiasa memberi perhatian terhadap tahap profesionalisme dan kebajikan pekhidmatnya. Aktiviti-aktiviti yang telah diadakan sepanjang tahun 2023 bagi memantapkan sumber manusia di MAIWP adalah:

- Mengadakan sebanyak 150 siri kursus dan latihan kepada pegawai MAIWP termasuk kursus anjuran agensi luar dan luar negara.
- Pelaksanaan kenaikan pangkat 30 orang pegawai yang melibatkan pelbagai jawatan di MAIWP sebagai salah satu peningkatan dalam laluan kerjaya warga MAIWP

KREATIVITI DAN INOVASI

Sesi dialog bersama YBrs. Encik Mohd Fauzi bin Abidin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIWP turut diadakan pada 23 Mac 2023 dalam membincangkan berkaitan dengan projek serta kumpulan bagi membuka peluang dan ruang MAIWP untuk menyemarakkan pembudayaan kreativiti dan inovasi dikalangan pegawai dan organisasi

MAIWP juga telah menjemput YBrs. Encik Saiful Yazan bin Alwi, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Pendaftaran Negara pada 11 Julai 2023 bagi berkongsi pengalaman serta menambah input dalam cadangan pemilihan projek KIK yang bersesuaian dengan masa kini.

Berdasarkan penambahbaikan teknologi di MAIWP pada tahun 2023, penambahbaikan daripada segi penggunaan teknologi bagi kegunaan Sumber Manusia di MAIWP Sistem Pengurusan Sumber Manusia (HRMS) telah dibina bagi menggantikan sistem sedia ada dengan beberapa penambahbaikan modul dan fungsian.

Selain itu, modul kehadiran telah dibangunkan bagi urusan daftar masuk dan keluar kakitangan MAIWP dengan menggunakan teknologi pengecaman wajah (Face ID) untuk pendaftaran kehadiran kakitangan secara automatik.

SYARIKAT-SYARIKAT MAIWP

► PUSRAWI

HOSPITAL PUSRAWI SDN. BHD.	
TARAF	► Syarikat Sendirian Berhad
DITUBUHKAN	► 10 Januari 1984
MODAL BERBAYAR	► RM30 juta
EKUITI MAIWP	► 100 %
AKTIVITI	► Menawarkan kemudahan dan perkhidmatan hospital, perubatan serta pembedahan berlandaskan nilai-nilai Islam
IBU PEJABAT	► Lot 149, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur
NO. TELEFON	► 03-2687 5000
LAMAN WEB	► www.pusrawi.com.my
	hospital, perubatan serta pembedahan berlandaskan

Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd. (PUSRAWI) merupakan sebuah hospital pakar swasta di Kuala Lumpur yang mempunyai pelbagai perkhidmatan kepakaran dan kemudahan kesihatan yang komprehensif. Ditubuhkan pada tahun 1984, PUSRAWI merupakan anak syarikat milik penuh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan mempunyai kapasiti 164 katil berlesen.

PUSRAWI telah memulakan operasi sebagai hospital pakar yang menawarkan penjagaan "primer", "secondary" dan "tertiary" di bangunan baru yang telah dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Watiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, terletak di No. 149, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur pada 16 Januari 2006.

Sebagai Hospital yang menerapkan nilai-nilai murni islam, dan juga merupakan hospital mesra ibadah, PUSRAWI juga menitikberatkan pencapaian dan kemajuan dari sudut penyediaan servis kesihatan. Pada tahun 2019, PUSRAWI telah mencapai Pentauliah Malaysia Society for Quality Health (MSQH), Pensijilan MS ISO 9001:2008 dan pensijilan The Baby Friendly Hospital. PUSRAWI menyediakan kemudahan dan servis kesihatan yang komprehensif untuk semua lapisan masyarakat.

Model perniagaan Hospital Pusrawi tahun 2023 adalah perniagaan hospital swasta dengan pelbagai disiplin yang mempunyai :-

- Perubatan primari – menyediakan pelbagai perubatan dan penjagaan kesihatan yang efektif dan efisien yang mencerminkan keseluruhan keperluan kesihatan seseorang: daripada pencegahan hingga akhir hayat, merentas kesihatan fizikal.
- Perubatan sekunder - Melibatkan urusan dengan Doktor Pakar seperti Ortopedik, Onkologi dan lain-lain.
- Perubatan tertiar - Melibatkan urusan dengan Doktor Pakar yang lebih khusus seperti dialisis, kanser dan jantung
- Sokongan klinikal - Pengimejan, farmasi, fisioterapi dan lain-lain

Perkhidmatan Hospital Pusrawi dibahagikan kepada Perkhidmatan Teras dan Perkhidmatan Sokongan yang dinyatakan di bawah:

24 Jam Kemalangan & Kecemasan	Surgikal Am & Kanak-kanak
Klinik Pakar	Pembedahan Plastik
Medikal	Otolaringologi
Respiratori	Urologi
Endokrinologi	Onkologi
Gastroenterologi	Oftalmologi
Hematologi	Perbidanan & Sakit Puan
Kardiologi	Ortopedik
Dermatologi	Pediatric
Hemodialisis	Anestesiologi
Penjagaan Kritikal	Dewan Bedah


PERKHIDMATAN SOKONGAN

Farmasi	Sajian
Radiologi	Bekalan Peralatan Steril
Makmal Patologi	Ambulan
Rekod Medikal	Mortuari
Fisioterapi	Dakwah & Bimbingan
Dietetik	


Anugerah yang telah diperolehi di dalam tahun 2023 adalah:

- Baby Friendly Hospital
- Hospital Islamik Terbaik Idea Award 2023
- MSQH Accredited Hospital

Secara purata, pada tahun 2023, Hospital PUSRAWI menerima 16,632 kes kemalangan dan kecemasan (A & E), 55,281 pesakit luar, 8,169 bagi pesakit dalam, dialisis 494 kes dan kadar penggunaan katil sebanyak 64% dimana Hospital PUSRAWI mencatatkan pendapatan sebanyak RM155.9 juta. Pecahan pendapatan utama Hospital adalah seperti di carta berikut:



Jumlah Hasil Pendapatan Hospital PUSRAWI Tahun 2019 hingga 2023



Merujuk kepada carta di atas, Pendapatan Pesakit Dalam merupakan sumbangan tertinggi di Hospital Pusrawi kerana hampir kesemua servis utama Hospital iaitu penggunaan Ubat, penggunaan barang pakai buang, perkhidmatan makmal, perkhidmatan pengimejan, servis kejururawatan dan perkhidmatan sokongan yang lain dapat di gunakan. Pendapatan tahun 2023 sebanyak RM155.95 juta merupakan pendapatan tertinggi yang pernah direkodkan oleh Hospital Pusrawi sejak penubuhan.

CABARAN HOSPITAL PUSRAWI PADA TAHUN 2023

Cabaran yang dihadapi oleh Hospital Pusrawi pada tahun 2023 adalah seperti berikut:

1. Bangunan dan fasiliti Hospital yang lama memerlukan penyelenggaraan yang segera dan ketara.
2. Penambahbaikan fasiliti wad dan juga kawasan awam
3. Kadar Penggunaan Katil "Bed Occupancy Rate (BOR)" yang masih rendah di bawah 70%.

RANCANGAN UNTUK TAHUN 2024

1. Pelaksanaan Penstrukturan Syarikat milik MAIWP di bidang kesihatan dimana berkuatkuasa pada 29 Mei 2024, Pusrawi Heritage Sdn. Bhd. berfungsi sebagai Syarikat Induk pelaburan dan Syarikat Induk Pengurusan bagi Hospital Pusrawi Sdn. Bhd. Dan MAIWP Healthcare Sdn. Bhd.
2. Meningkatkan Pendapatan Melalui Projek-Projek Baru :-
 - a. Pelancaran Pusat Kanser Yayasan Azman Hashim dengan anggaran pendapatan sebanyak RM5 juta setahun. Dijangka akan dibuka pada Oktober 2024.
 - b. Pelancaran Neonatal Intensive Care Unit (NICU) baru dengan anggaran pendapatan sebanyak RM2.4 juta setahun. Dijangka akan dibuka pada Disember 2024.
 - c. Cadangan penambahan Klinik Pesakit Luar di Tingkat 9 sebanyak 36 bilik dimana kapasiti sedia ada adalah sebanyak 27 bilik di Tingkat 2.
 - d. Cadangan penambahbaikan wad-wad.
3. Meningkatkan kepuasan dan pengalaman pesakit :-
 - a. Meningkatkan fasiliti-fasiliti baru seperti *Al Hayba VIP Lounge, Balcony Garden, Islamic Feature Wall, Florist shop, Coffee Bru, Vending machine, Patient ambassador, massage chairs, eyewear shop, valet parking service, food cart/ kiosk, digital signage touchscreen, digital queing system.*
 - b. Digital apps / QR codes toward paperless seperti QR codes untuk maklumbalas pesakit, kelas antinatal, dan appointment, apps untuk pesakit berulang, maklumat pesakit digital dengan skrin sesentuh, janji temu untuk pemeriksaan kesihatan.
4. Penjenamaan semula hospital Pusrawi kepada Hospital Pakar PUSRAWI Kuala Lumpur.
5. Pengembangan perniagaan – Kolaborasi bersama UTM Holdings Sdn Bhd dan Pusrawi Heritage Sdn Bhd untuk pengurusan dan pengoperasian hospital pakar swasta di atas tanah milik Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.

► PUSAT PUNGUTAN ZAKAT (PPZ)

HARTASUCI SDN. BHD. (PUSAT PUNGUTAN ZAKAT-MAIWP)

INFO HARTASUCI SDN. BHD. (PUSAT PUNGUTAN ZAKAT - MAIWP)

TARAF DITUBUHKAN	► Syarikat Sendirian Berhad
MODAL BERBAYAR	► 17 November 1989
EKUITI MAIWP	► RM1 juta
AKTIVITI	► 100 %
IBU PEJABAT	► Menguruskan pungutan zakat harta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan & Putrajaya
NO. TELEFON	► Wisma PPZ, 68-1-6, Dataran Shamelin, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur
LAMAN WEB	► 03-9289 5757
	► www.zakat.com.my

Hartasuci Sdn. Bhd. atau lebih dikenali dengan nama Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) telah berjaya mencatatkan peningkatan kutipan zakat dan wakaf tunai paling memberangsangkan pada tahun 2023.

Jumlah kutipan zakat harta PPZ-MAIWP pada tahun 2023 adalah sebanyak RM1021.2 juta, iaitu peningkatan sebanyak 11% berbanding kutipan tahun 2022 sebanyak RM923.2 juta. Manakala kutipan zakat fitrah pada tahun 2023 adalah sebanyak RM14.5 juta, meningkat sebanyak 6% berbanding tahun 2022 sebanyak RM13.7 juta. Menjadikan keseluruhan kutipan zakat tahun 2023 di Wilayah Persekutuan sebanyak RM1,035.8 juta. Sedangkan kutipan wakaf tunai pada tahun 2023 mencatatkan sebanyak RM6.6 juta meningkat sebanyak 162% berbanding tahun 2022 hanya sebanyak RM2.5 juta.

Pencapaian tahun 2023 sebahagiannya adalah hasil daripada aktiviti promosi dan dakwah zakat dan wakaf yang berterusan oleh semua pihak serta kesedaran mengenai zakat dan berwakaf dalam kalangan masyarakat. Walaupun terdapat cabaran dalam aspek ekonomi pada tahun 2023 namun tidak dinafikan, terdapat perniagaan membuat keuntungan dan pasaran kerja yang kukuh di sebahagian besar industri. Selain itu, pelbagai inovasi kaedah pemasaran telah

dijalankan PPZ-MAIWP sepanjang 2023, selari dengan keperluan semasa bagi mendepani kehendak semasa. Antara aktiviti yang telah dijalankan oleh PPZ-MAIWP sepanjang tahun 2023 adalah seperti berikut :-

ZAKAT KORPORAT

Sepanjang 2023 telah diadakan pelbagai kempen yang mengajak syarikat korporat dan perniagaan kecil dan sederhana (PKS) sama ada yang pernah membayar dan baru pertama kali membayar zakat. Antaranya adalah Majlis Zakat Perniagaan bersama YDP Agong di mana diadakan majlis serahan zakat perniagaan berjumlah besar melibatkan syarikat-syarikat korporat. Keberkesanan program ini adalah berlakunya peningkatan jumlah bayaran zakat perniagaan, berlakunya pengilangan pembayar yang 2 tahun tidak membayar dan penambahan pembayar baru. Selain itu, sepanjang tahun 2023 juga telah diadakan Program Jejak Bazar yang merupakan aktiviti turun padang diadakan sepanjang bulan Ramadan. Turut juga diadakan kempen Jejak Niaga yang merupakan kempen turun padang berjumpa para peniaga di pasar malam sekitar Wilayah Persekutuan.

KEMPEN POTONGAN GAJI ZAKAT

Terdapat 2 Kempen Utama. Pada Tahun 2023 iaitu Kempen 'Jom Potong' dan Kempen 'Jom Tambah'. Tahun 2023 Jom Potong merupakan Siri ke-4 bagi kempen ini dan Jom Tambah adalah Siri Pertama yang mana kempen ini fokus kepada dua sektor iaitu Sektor Swasta dan Sektor Kerajaan.

WAKALAH ZAKAT DAN KERJASAMA STRATEGIK

Skim pengembalian semula wang zakat atau wakalah adalah merupakan dasar yang telah diluluskan oleh MAIWP kepada organisasi atau entiti yang terdiri daripada individu, syarikat juga majikan serta Institut Pendidikan Tinggi (IPT) yang membayar zakat kepada Pusat Pungutan Zakat-MAIWP. Selain itu, kerjasama ini adalah bertujuan untuk menjaga jenama MAIWP dan PPZ-MAIWP selain bertujuan meningkatkan kepercayaan pembayar zakat serta masyarakat umum untuk terus menunaikan zakat di PPZ-MAIWP.

Pada 2023, sebanyak 48 kerjasama dan hubungan strategik telah dimeterai melibatkan pemegang wakalah, contohnya kumpulan FGV Holdings Berhad yang mana PPZ-MAIWP telah memberikan komitmen terbaik untuk memudahkan agihan wakalah perniagaan

kumpulan FGV sekaligus meningkatkan kutipan zakat perniagaan mereka kepada PPZ-MAIWP. Turut dilaksanakan adalah kerjasama menang-menang seperti pakej -pakej sinergi dua hala dari segi pemasaran yang membolehkan keuntungan syarikat terbabit meningkat sekaligus bayaran zakat perniagaan dapat ditingkatkan begitu juga potongan gaji kakitangan syarikat terbabit.

Dalam masa yang sama juga, PPZ-MAIWP telah bekerjasama bersama MAIWP bagi menyantuni seramai 321 kes permohonan sumbangan tambahan bagi disantuni pemegang wakalah MAIWP.

Kolaborasi di antara MAIWP, PPZ-MAIWP dan pemegang wakalah memberikan impak yang baik dalam meningkatkan kutipan zakat di Wilayah Persekutuan serta memberi kepercayaan dan imej korporat yang baik bukan sahaja kepada pemegang wakalah, tetapi kepada masyarakat umum.

PERKHIDMATAN PERSONAL

PPZ-MAIWP menyediakan perkhidmatan secara personal (*Business to Customer*) kepada pembayar zakat dan wakaf khususnya pemegang wakalah dan prospek pembayar besar daripada urusan bayaran zakat, permohonan wakalah sehingga selesai agihan wakalah bagi memberi keyakinan khususnya pembayar-pembayar besar untuk terus kekal dan menambah bayaran zakat mereka. Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah *Door To Door Service*, *Ride 2U* dan perkhidmatan secara online melalui aplikasi whatsapp Wakalah Careline yang membolehkan pembayar dan prospek pembayar berhubung setiap masa dalam membantu menyelesaikan persoalan berkaitan perkhidmatan dan produk yang disediakan oleh PPZ-MAIWP seterusnya memberi impak kepada kutipan zakat dan bilangan pembayar.

INOVASI SALURAN PEMBAYARAN ZAKAT

Inovasi saluran bayaran baru yang pelbagai diwujudkan seperti perkhidmatan sistem MyWakalah v2.0, Aplikasi MyZakat, MyTemujanji, Sistem E-Ejen dan Sistem E-Majikan bagi memudahkan kerja memproses setiap bayaran zakat yang diterima.

SKIM KAFALAH MUZAKKI

Skim Kafalah Muzakki menarik minat pembayar zakat baru dan pembayar sedia ada untuk mengekalkan dan menambah bayaran zakat. Skim ini merupakan sumbangan ikhlas dari Hartasuci Sdn. Bhd. untuk

diberikan kepada waris pembayar zakat apabila berlaku kematian terhadap pembayar zakat yang membayar di PPZ-MAIWP serta tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan.

Fokus Promosi dan Publisiti Bayaran Zakat secara Digital mengikut Algoritma Teknologi Media Sosial.

Bagi memperhebatkan lagi iklan melalui media baru, PPZ-MAIWP telah memperhebatkan lagi fungsi Unit Media Baru bagi menjaga dan menguruskan akaun media sosial milik PPZ-MAIWP. Aktiviti ini dilaksanakan sebagai satu kaedah yang digunakan PPZ-MAIWP memberi kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan berzakat, serta menjawab persoalan-persoalan yang diutarakan oleh masyarakat. Kerjasama yang kuat bersama pempengaruh media sosial juga giat dilaksanakan di mana pempengaruh-pempengaruh ini adalah sebagai 'duta maya' dalam mempromosi zakat dan wakaf. Selain itu, penajaan bahan promosi yang mengikut trend semasa yang menepati algoritma media sosial juga dapat membantu melonjakkan promosi zakat dan wakaf di kalangan pengguna media sosial.

Promosi Bayar Zakat Melalui Portal Zakat PPZ-MAIWP Pelbagai kempen dijalankan bagi menggalakkan pembayaran zakat menerusi portal www.zakat.com.my. Antara kempen-kempen besar yang dijalankan adalah Kempen Ramadan 2023, Kempen YEZ 2023 dan Kempen Pecutan Terakhir Disember 2023. Terdapat pelbagai lagi kempen-kempen mikro diadakan sepanjang tahun seperti Kempen Hari Gaji dan Zakat Subuh, Kempen Muat Turun apps MyZakat, Kempen Zakat Jumaat, Kempen VIP dan banyak lagi.

SAHABAT ZAKAT

Sahabat Zakat adalah Inisiatif PPZ-MAIWP kepada masyarakat umum untuk menjadi sebahagian daripada komuniti zakat. Setiap orang yang mendaftar menjadi Sahabat Zakat akan mendapat cenderahati istimewa serta akan mendapat info-info zakat terkini tentang program-program yang dijalankan oleh PPZ-MAIWP sepanjang tahun.

KEMPEN YEZ (YEAR END ZAKAT) & KEMPEN RAMADAN 1442H


Kempen Ramadan dan Kempen Year End Zakat diteruskan pada tahun 2023 bagi meningkatkan lagi kutipan dan bilangan pembayar zakat di PPZ-MAIWP. Pelbagai platform dan medium promosi juga telah

digunakan sepanjang tahun 2023 bagi memberi kesedaran kepada masyarakat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan.


Jalinan kerjasama yang erat dikalangan penggiat media dengan PPZ-MAIWP turut diperkukuhkan dengan penganjuran program khusus melibatkan rakan media. promosi zakat turut ditekankan menerusi promosi atas talian bagi mendapat liputan yang lebih meluas lagi.

USAHA BERTERUSAN WARGA KERJA PPZ-MAIWP

Kegigihan warga kerja PPZ-MAIWP dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan melalui kesanggupan mereka bekerja walaupun pada hampir setiap hujung minggu, di luar waktu pejabat dan cuti umum. Di antara usaha-usaha kakitangan yang telah dilaksanakan iaitu pada 2 minggu akhir bulan Disember 2023 di mana kakitangan di kaunter telah bekerja sehingga malam bagi memberi peluang kepada umat Islam di Wilayah Persekutuan khususnya menunaikan kewajipan berzakat selepas waktu pejabat. Selain itu, Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi PPZ-MAIWP juga sangat komited dan aktif bersama-sama menyantuni pembayar dengan pelbagai cara dan program yang dilaksanakan.



*Nota: Bilangan pembayar tidak termasuk kutipan Zakat Fitrah menerusi kupon



Statistik Kutipan & Pembayar Zakat Fitrah 2023* berbanding 2022*

KUTIPAN (RM)			PEMBAYAR		
2023 (RM)	2022 (RM)	+/- (%)	2023	2022	+/- (%)
14,588,267.84	13,752,292.44	+6	1,608,455	1,592,134	+1

*Nota: Termasuk kutipan menerusi atas talian dan kupon

Statistik Kutipan Wakaf Tunai 2023 berbanding 2022

KUTIPAN WAKAF TUNAI (RM)		
2023 (RM)	2022 (RM)	+/- (%)
6,643,082.43	2,532,950.48	+162

PPZ-MAIWP selaku agensi yang dilantik untuk mengutip zakat harta dan fitrah serta wakaf tunai di Wilayah Persekutuan telah berjaya menunaikan amanah yang diberi dengan meningkatkan kutipan zakat dan wakaf tunai saban tahun. Ia bersesuaian dengan teras kejayaan PPZ-MAIWP yang sentiasa memastikan urusan dakwah dan pembayaran zakat dan wakaf tunai dipermudahkan. Justeru dengan izin dan kehendak-Nya, dan melalui usaha gigih, perancangan yang sistematik serta kepelbagaian aktiviti promosi melibatkan pelbagai medium secara tidak langsung telah meningkatkan tahap kesedaran umat Islam di Malaysia amnya dan di Wilayah Persekutuan khususnya untuk menunaikan kewajipan berzakat dan berwakaf. Keyakinan dan kepercayaan yang tinggi para pembayar zakat dan wakaf kepada PPZ-MAIWP turut menjadi faktor kejayaan ini.

Pada tahun 2023, PPZ-MAIWP mendapat pencapaian pungutan zakat sebanyak RM1,035.8 juta. Ini adalah RM98.9 juta melebihi kutipan bagi tahun 2022 iaitu sebanyak RM936.9 juta (peningkatan 11%). Jumlah pembayar ulangan zakat harta tahun 2023 adalah sebanyak 263,998 dan pembayar baru sebanyak 81,757. Jumlah kutipan bagi Zakat Pendapatan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM702.8 juta berbanding RM631.6 juta pada tahun 2022. Peningkatan adalah sebanyak RM71.2 juta (peningkatan 11%). Peningkatan ini adalah kesan kempen yang dijalankan sepanjang tahun 2023 bagi memberi kesedaran berzakat serta menyekat ketirisan pembayar besar ke negeri lain.

Peningkatan jumlah bayaran zakat dari kalangan syarikat dan peniaga yang membayar zakat perniagaan pada

tahun 2023 adalah sebanyak RM165.7 juta berbanding dengan tahun 2022 sebanyak RM139.2 juta, kenaikan sebanyak 19%. Ini menunjukkan kejayaan dalam menambah jumlah bayaran zakat perniagaan pada tahun 2023.

Selain itu, pada tahun 2023 juga mencatatkan peningkatan kutipan wakaf tunai sebanyak 162%, di mana, kutipan wakaf tunai pada tahun 2023 sebanyak RM6.6 juta berbanding tahun 2022 hanya sebanyak RM2.5 juta. Kejayaan ini berlaku apabila sistem kutipan wakaf tunai diserap dan digerakkan bersama dakwah zakat sekali gus membawakan sistem pemasaran yang lebih efisien dan efektif.



► YAYASAN TAQWA

- TARAF DITUBUHKAN** ▶ Syarikat berhad dengan jaminan 20 Nov. 1990
- AKTIVITI** ▶ Mengagihkan agihan dana (Zakat-MAIWP) melalui program dan aktiviti yang berbentuk Pendidikan, Dakwah dan Kebajikan di luar Wilayah Persekutuan.
- IBU PEJABAT** ▶ Tingkat 11 Bangunan PERKIM No. 150 Jalan Sultan Azlan Shah 51200 Kuala Lumpur
- NO. TELEFON** ▶ 03 - 4041 4155
- LAMAN WEB** ▶ www.ytwp.com.my



SUMBANGAN DAN AGIHAN YAYASAN TAQWA – MAIWP PADA TAHUN 2023

Sebagai sebuah yayasan yang tidak berorientasikan keuntungan, Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan atau lebih dikenali dengan nama Yayasan Taqwa - MAIWP telah membantu umat Islam di luar Wilayah Persekutuan menerusi tiga teras.

TERAS UTAMA



DAKWAH

- Bantuan Aktiviti Hari-hari Kebesaran Islam
- Kerjasama dengan Agensi Kerajaan / Swasta
- Bantuan kepada NGO, Masjid, Surau, IPTA & IPTS
- Program Dakwah Bil Hal (Program Orang Asli Bumiputera)
- Ziarah Ukhuwah



PENDIDIKAN

- Bantuan Persekolahan
- Bantuan Program Motivasi / Seminar Akademik
- Bantuan Kepada NGO, Masjid, Surau, IPTA & IPTS



KEBAJIKAN

- Bantuan Kemanusiaan/Kecemasan
- Bantuan Perubatan (Pesakit Kronik)
- Bantuan kepada NGO, Masjid, Surau, IPTA & IPTS



TERAS KEBAJIKAN



RM10,396,779.60 juta
diagihkan

505

NGO, individu
dan agensi

63,655

penerima
manfaat

TERAS DAKWAH



RM7,011,440.99 juta
diagihkan

326

NGO, individu, agensi, masjid/
surau, sekolah & IPTA/IPTS
menerima sumbangan

290,520

penerima manfaat

TERAS PENDIDIKAN



RM8,326,165.90 juta
diagihkan

14,000

pelajar kurang berkemampuan
dari seluruh negara menerima
set kelengkapan persekolahan

200

orang mahasiswa kurang
berkemampuan menerima
bantuan komputer riba

509

individu, NGO, agensi
kerajaan & IPTA/IPTS
menerima sumbangan

43,478

penerima manfaat


KPBKL

INFO KOLEJ PROFESIONAL BAITULMAL KUALA LUMPUR


TARAF DITUBUHKAN	► Syarikat Sendirian Berhad
MODAL BERBAYAR	► 23 April 1992
EKUITI MAIWP	► RM5 juta
AKTIVITI	► 100 %
	► Mengendalikan kursus-kursus akademik dan profesional yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi
IBU PEJABAT	► Lot 1363, Jalan Perkasa, Off Jalan Kg. Pandan, 55100 Kuala Lumpur
NO. TELEFON	► 03-9281 4054
LAMAN WEB	► www.kpbkl.edu.my

- **Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL)** menawarkan 16 program pengajian terdiri daripada peringkat Ijazah Sarjana Muda profesional, Diploma dan Sijil. Terdapat 11 program Homegrown (Hasilan Sendiri), dua (2) program profesional bertaraf antarabangsa iaitu *ACCA Foundation in Accountancy (ACCA-FIA)* dan *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) Qualification*. Selain itu, KPBKL juga menawarkan dua (2) Program Diploma dengan usahasama Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Pra Perdagangan (UiTM).
- Jumlah pelajar tahun 2023 adalah 1816 orang manakala graduan yang tamat belajar pada tahun 2023 adalah seramai 388 orang.

Graf 1 : Jumlah Pelajar Dari Tahun 2019 - 2023



Graf 2: Jumlah Graduan Dari Tahun 2019 - 2023



Jadual 1: Pecahan Pelajar KPBKL Tahun 2023 Mengikut Program

PROGRAM	JUMLAH PELAJAR
Homegrown (Hasilan Sendiri)	
Diploma Kaunseling Islam [DKI]	40
Diploma Teknologi Maklumat (DITe)	37
Diploma Pentadbiran Perniagaan (DIBA)	226
Diploma Pengurusan Haji & Umrah (DPHU)	301
Diploma Pengurusan Zakat & Wakaf (DPZW)	46
Diploma Pengajian Muamalat (DPM)	48
Diploma Pengurusan Industri Halal (DPIH)	598
Diploma Matematik Kewangan (DMK)	15
Diploma Syariah Islamiah (DSI)	180
Diploma Perakaunan (DAcc)	7
Sijil Aplikasi Muamalat (SAM)	49
Profesional	
ACCA Qualification	18
ACCA-FIA	41
Program Usahasama UiTM	
Diploma Perakaunan (AC110)	39
Diploma Pengajian Perniagaan (BA111)	130
Pra Perdagangan (BA003)	41
JUMLAH KESELURUHAN	1816

Pada tahun 2023, KPBKL telah mencapai pelbagai pengiktirafan dan kejayaan. Diantaranya adalah:

KEBERHASILAN AKADEMIK

- ▶ Pelajar KPBKL mencapai kelulusan sebanyak 94% (pass rate) peringkat global bagi peperiksaan *Financial Management exam* (sessi Mac 2023 session) Program Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) Qualification.
- ▶ KPBKL mendapat Gred A+ untuk tahun ke-5 berturut-turut dalam Audit Kualiti Akademik Kolej Bersekutu UiTM.
- ▶ **29 Januari 2023** - KPBKL melancarkan Pembelajaran Mesra GIG bagi memberikan peluang kepada "*GIG Economy Player*" seperti *Grab Rider*, *Foodpanda*, *Bungkus It*, *Lalamove* dan lain-lain lagi untuk menyambung pengajian. Majlis Pelancaran telah diadakan di Karnival MAIWP 2023 di Dataran Merdeka.
- ▶ **18 Mac 2023** - Seramai 11 orang pelajar Diploma Pengurusan Haji & Umrah (DPHU) KPBKL dengan diiringi oleh 2 orang pensyarah berangkat ke tanah suci. Selain menunaikan umrah, pelajar-pelajar ini berpeluang mempelajari secara terus pengurusan umrah bagi melengkapkan tugas kursus Pengurusan Operasi Umrah dan Haji. Pelajar-pelajar mendapat tajaan berjumlah RM30,000.
- ▶ **21 Ogos 2023** - Pensyarah KPBKL berjaya membuat pembentangan akhir dapatan kajian yang bertajuk "*Kesediaan Guru Sekolah terhadap Pembayaran Zakat melalui Potongan Gaji*" dan "*Wakalah Korporat dalam Kalangan Syarikat*". Geran penyelidikan ini ditaja oleh PPZ-MAIWP berjumlah RM40,000.
- ▶ **22 & 23 November 2023** - KPBKL menganjurkan Bengkel Penyelidikan dengan pengisian berkisarkan Analisis Data Kualitatif & Kuantitatif, yang mana merupakan antara elemen utama dalam metodologi penyelidikan.
- ▶ **11 Disember 2023** - KPBKL telah menjalankan Bengkel - *Outcome Based Education (OBE) on Guidelines to Good Practices: Assessment of Students* anjuran Pusat Pembangunan &

Kecemerlangan Akademik (CADE). Bengkel ini bertujuan untuk memperkasakan kefahaman tentang pelaksanaan penilaian pelajar di peringkat kursus dan program, serta pengurusan proses penilaian pelajar yang konsisten dengan matlamat program dan hasil pembelajaran yang diinginkan.

PENCAPAIAN KPBKL

- ▶ KPBKL telah menganjurkan Program Pembangunan Modal Insan MAIWP (PROMI) *Leadertalk Series* iaitu satu program yang menjemput tokoh-tokoh tersohor tanahair untuk berkongsi pengalaman mereka bergelar pemimpin:-
 - a. 26 Januari 2023 - Siri pertama : YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, Pengerusi MAIWP dengan tajuk "*Collaborative Leadership*".
 - b. 05 Julai 2023 - Siri kedua: YBhg. Tan Sri Dato' Sri Syed Zainal Abidin bin Syed Mohamed Tahir, Ahli Majlis MAIWP telah dijemput sebagai penceramah dengan tajuk "*Transformation Leadership*".
- ▶ **26 Januari 2023** - Perasmian CHILLEX SPACE di Perpustakaan KPBKL oleh YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, Pengerusi MAIWP di mana ruangan ini menyediakan ruangan pembelajaran secara santai dengan kemudahan televisyen, internet 100Mbps, 15 buah komputer bagi kemudahan pelajar asnaf KPBKL.
- ▶ **16 Februari 2023** - KPBKL dilantik sebagai secretariat Persidangan Dakwah Kebangsaan "*Cabaran Umat Islam Dan Peranan NGO Islam*". Ini membuktikan selain daripada mendidik dan melahirkan pelajar berkualiti, KPBKL juga memainkan peranan dalam memperkasa Dakwah di Malaysia.
- ▶ **21 Mac 2023** - KPBKL mendapat pengiktirafan "*Best in Halal Research & Graduate Training for Halal Industry*" dalam Majlis "*Asean Food & Travel Awards 2023*".
- ▶ **01 September 2023** - KPBKL berjaya mendapat status Institut Pengajian Tinggi (IPT) Berdaya Saing di bawah penialaian My Quest 2023 dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

JARINGAN STRATEGIK ANTARABANGSA

- ▶ KPBKL berjaya mengembangkan jaringan strategik antarabangsa dengan pihak-pihak berikut:-

a. Indonesia –

- 12 Julai 2023** - Institut Agama Islam Negeri Kudus (IAIN Kudus), Indonesia ke KPBKL.
- 17 Oktober 2023 - Kunjungan Delegasi Dari Pondok Pesantren Bustanul Ulum Dalem Timur Mlokorejo, Jember, Indonesia ke KPBKL.

b. Thailand

- 25 & 26 September 2023** - Kunjungan KPBKL ke sekolah-sekolah Sasana B. Admin. College, Klong Nueng Kaew Nimit School, Tha-It Suksa School, Santichon School, Anwarul Islam School, dan Nongchok Pittaya Nussorn Mattayom School.

AKTIVITI PELAJAR

- ▶ **11 Januari 2023** - Penganjuran program latihan *Digital Entrepreneurs Programme* kepada 27 orang pelajar Semester 5 dari pelbagai program dikendalikan oleh rakan strategik KPBKL, MMU Cnergy. Objektif latihan kepada para peserta adalah bagi memberi pendedahan menjalankan perniagaan dan menjadi usahawan melalui platform Digital.
- ▶ **22 Februari 2023** - Majlis Penyerahan Bantuan Makanan *Foodbank* daripada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM). Bantuan ini telah diserahkan kepada lebih 150 orang pelajar KPBKL.
- ▶ **08 Julai 2023** - Majlis Perasmian Kursus Pembangunan Ejen Pemasar Program *New Breed Marketing Entrepreneur* (NBME) anjuran FAMA melibatkan pelajar-pelajar KPBKL.
- ▶ **19 September 2023** - HeiTech Padu Berhad menyampaikan sumbangan sebanyak 2,000 unit buku Bahasa Inggeris bernilai RM20,000 bagi kegunaan pelajar dan warga KPBKL melalui Pusat Wakaf Intelek (PWI) KPBKL.
- ▶ **13 Disember 2023** - Vestigo Petroleum Sdn. Bhd. menyampaikan sumbangan kewangan Wakalah sebanyak RM22,000 kepada 100 orang pelajar KPBKL dengan setiap pelajar akan menerima sumbangan sebanyak RM220.

- ▶ **13 Disember 2023** - Sebanyak RM 69,874.00 telah disumbangkan oleh Pihak *Malaysian Institute of Accountants* (MIA) kepada 67 pelajar Perakaunan di KPBKL sebagai tanda kasih dan sokongan kepada bakal peneraju industri perakaunan negara.
- ▶ **15 Disember 2023** - KPBKL salah satu daripada 8 IPT terpilih, menerima sumbangan kewangan pemegang wakalah MAIWP berjumlah RM20,000 daripada Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP). Bantuan tersebut merupakan bantuan kewangan untuk 'Food Bank' IPT serta bantuan tajaan makanan kepada pelajar asnaf.
- ▶ **27 Disember 2023** - Agihan Bantuan Pek Makanan melalui Projek "Food Pantry" KPBKL, hasil sumbangan daripada Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP).
- ▶ **27 Disember 2023** - Pelancaran *KPBKL Sports Excellence (K-SPEX)* dengan kerjasama Al-Ikhsan Sports. KPBKL menerima sumbangan peralatan sukan bagi memperkasakan perglibatan aktif pelajar dalam kesukanan.



JARINGAN RAKAN STRATEGIK

KPBKL telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama beberapa buah agensi pada tahun 2023 iaitu:

Bil	NAMA RAKAN STRATEGIK	TEMPOH PERJANJIAN	BENTUK KERJASAMA
1	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)	9.1.2023 - 8.1.2025	Program kebolehpasaran graduan, program latihan, penempatan pekerjaan dan lain-lain bidang kerjasama.
2	UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN (UTAR)	12.04.2023 - 11.04.2026	Program kebolehpasaran graduan, pengendalian dan pertukaran latihan, Pembangunan dan pertukaran akademik, pertukaran pelajar dan "feeder" pelajar.
3	PERSATUAN PENERBIT TELEVISYEN MALAYSIA (PTVM)	29.05.2023 - 28.05.2028 (5 tahun)	Bengkel, Program Latihan Bersama, Projek Penyelidikan, Program Khidmat Masyarakat, Pendidikan, Program Latihan, Pembiayaan Pendidikan dan Peluang Pekerjaan.
4	LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH (LZKN)	29.07.2023 - 28.07.2026 (3 tahun)	Peluang Melanjutkan Pengajian, Pembiayaan, Bengkel Dan Program Latihan, Projek Penyelidikan, Pembangunan dan Pendidikan bersama.
10	UNIVERSITI UTARA MALAYSIA	30.7.2023 - 29.7.2025	Bengkel Dan Program Latihan, Projek Penyelidikan, Pembangunan dan Pendidikan Bersama.
5	ZAJAS SDN. BHD.	07.08.2023 - 06.08.2028 (5 tahun)	Ejen Promosi dan pertukaran pelajar, Bengkel, Program Latihan Bersama, Projek Penyelidikan, Program Khidmat Masyarakat, Pendidikan, Program Latihan dan Peluang Pekerjaan.
6	TYMBA EDUCATION GROUP SDN BHD	05.09.2023 - 4.9.2026 (3 tahun)	Bengkel Dan Program Latihan, Projek Penyelidikan, Pembangunan dan Pendidikan bersama.
7	YAYASAN PRIHATIN NASIONAL (PRIHATIN)	05.09.2023 - 04.9.2028 (5 tahun)	Ejen Promosi dan pertukaran pelajar, Bengkel, Program Latihan Bersama, Projek Penyelidikan, Program Khidmat Masyarakat, Pendidikan, Program Latihan dan Peluang Pekerjaan.
8	ASSOCIATION OF CHARTERED CERTIFIED ACCOUNTANTS (ACCA)	05.09.2023 - 04.9.2028 (5 tahun)	Bengkel Dan Program Latihan, Projek Penyelidikan, Pembangunan dan Pendidikan bersama.
9	KOLEJ SATT	27.10.2023 - 26.10.2028 (5 tahun)	Ejen Promosi dan pertukaran pelajar, Bengkel, Program Latihan Bersama, Projek Penyelidikan, Program Khidmat Masyarakat, Pendidikan, Program Latihan dan Peluang Pekerjaan.
11	BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD	17.11.2023 - 16.11.2026 (3 tahun)	Waqf Collaboration Agreement

AKTIVITI BUKAN AKADEMIK

KURSUS PEMANTAPAN PENGENDALIAN UMRAH (UMRAH SPECIALIZED ENHANCEMENT COURSE - USEC)

KPBKL merupakan satu-satunya institusi yang telah dilantik secara rasmi oleh Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTAC) bagi mengendalikan Kursus Umrah *Specialized Enhancement Course* (USEC) kepada syarikat pelancongan yang mengendalikan umrah. Kursus ini merupakan antara inisiatif kerajaan bagi memantapkan urus tadbir dan tata kelola pengurusan umrah. Kursus ini diwujudkan bagi mengatasi masalah penipuan dalam pengurusan umrah dan telah dijalankan sejak tahun 2016. Pada tahun 2023, seramai 314 orang peserta dari 287 agensi telah terlibat dalam kursus ini.

PENGANJURAN KURSUS PROFESSIONAL HALAL EXECUTIVE TRAINING PROGRAM (PHETP)

KPBKL merupakan Penyedia Latihan Halal (PLH) yang berdaftar di bawah Halal Professional Board (HPB), JAKIM bagi menjalankan program latihan Kursus Professional Halal Executive Training Program (PHETP). Bilangan keseluruhan peserta yang menyertai program latihan halal bermodul HPB bagi tahun 2023 adalah seramai 95 orang.

PUSAT WAKAF INTELEK (PWI) KPBKL

Sejak penubuhannya pada tahun 2019 sehingga tahun 2023, Pusat Wakaf Intelek KPBKL telah berjaya mengumpulkan wakaf tunai sebanyak RM 258,179.39.

Dana wakaf telah dimanfaatkan bagi tujuan berikut:-

Mengubahsuai dan menaiktaraf Dewan Kuliah, KPBKL dengan penggunaan dana wakaf berjumlah ▼ RM 108,377.00	Mengubahsuai dan menaiktaraf Surau At-Tholabah, KPBKL dengan penggunaan dana wakaf berjumlah ▼ RM 35,000.00	Mengubahsuai dan menaiktaraf kaunter Perpustakaan KPBKL ▼ RM 9,736.90	Pemasangan Penyaman Udara (Aircond) di bilik Kuliah bernilai ▼ RM 45,580.00	Membeli buku-buku perpustakaan untuk kegunaan Pelajar KPBKL sebanyak ▼ RM3,420.00
---	---	---	--	--

PUSAT LATIHAN & KONSULTANSI

Pusat Latihan & Konsultasi (T&C) KPBKL, ditubuhkan bagi menjalankan latihan-latihan korporat kepada pelbagai sektor dan industri. Jumlah pendapatan T&C bagi tahun 2023 ialah sebanyak RM 939,452.00.

UNIVERSITI KOLEJ ANTARABANGSA MAIWP (UCMI)

INFO UNIVERSITI KOLEJ ANTARABANGSA MAIWP

TARAF DITUBUHKAN MODAL BERBAYAR EKUITI MAIWP AKTIVITI	▶ Syarikat Sendirian Berhad ▶ 19 Mei 2003 ▶ RM20 juta ▶ 100 % ▶ Menguruskan dan beroperasi sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang menjurus kepada bidang sains dan penyediaan rawatan dialisis serta peniaga semua jenis produk kesihatan.
IBU PEJABAT	▶ No.3 Jalan 31/10A, Kawasan Perindustrian IKS, Taman Batu Muda, Batu Caves 51200 Kuala Lumpur
NO. TELEFON	▶ 03-6192 0600/0700
LAMAN WEB	▶ www.ucmi.edu.my

AHLI LEMBAGA PENGARAH KOLEJ UNIVERSITI ANTARABANGSA MAIWP 2023

Pengerusi

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob

Ahli

Yang Berusaha Profesor Dr. Mohd Roslan Mohd Noor
Yang Berbahagia Datuk Mohd Nizam Haji Yahya
Yang Berbahagia Profesor Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim
Yang Berusaha Profesor Dr. Abdul Latiff Mohamed
Yang Berusaha Dr. Mohd Fuad Mohd Salleh
Yang Berusaha Dr. Rosni Adam

1. Program Akademik Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP

1.1 UCMI terus memperkasakan program-program yang ditawarkan dengan menawarkan program baharu bagi tahun 2023. Sehingga kini terdapat 31 program akademik yang ditawarkan. UCMI juga telah mendapat kelulusan untuk menawarkan 1 program baharu iaitu Diploma in Retail Management (TVET).

A. Senarai Program Akademik Tahun 2023

PROGRAM AKADEMIK

PERINGKAT SIJIL

Certificate in Post Basic Renal Nursing

PERINGKAT ASASI

Foundation in Business

Foundation in Science

PERINGKAT DIPLOMA

Diploma in Nursing Science

Diploma in Pharmacy

Diploma in Medical Science

Diploma in Environmental Health

Diploma in Medical Assistant

Diploma in Physiotherapy

Diploma in Occupational Therapy

Diploma in Occupational Safety and Health

Diploma in Medical Laboratory Technology

Diploma in Hotel Management

Diploma in Logistics Management

Diploma in Human Resource Management

Diploma in Business Management

Diploma in Early Childhood Education

Diploma in Psychology

Diploma in Retail Management (TVET)

PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA

Bachelor of Environmental, Occupational Safety & Health (Honours)

Bachelor of Environmental, Occupational Safety & Health (Honours)

Bachelor of International Supply Chain Management (Honours)

Bachelor of Business Administration (Honours) (Human Resource Management)

Bachelor of Science in Pharmaceutical Technology (Honours)

Bachelor of Biomedical Science (Honours)

Bachelor of Nursing Science (Honours)

Bachelor of Pharmacy (Honours)

PASCASISWAZAH

Master of Health Science


Master in Business Administration

Master in Nursing

Doctor of Philosophy in Science

Doctor of Philosophy in Nursing

1.2 Jumlah pelajar yang berdaftar di UCMI sehingga tahun 2023 adalah seramai 3,712.



KEBERHASILAN AKTIVITI

1. GERAN PENYELIDIKAN

UCMI telah menerima geran penyelidikan dibawah skim Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang berjumlah RM199,500.00 melalui dua pensyarahnya. Selain itu, pada tahun 2023 juga UCMI telah berjaya menerbitkan sebanyak 20 penerbitan jurnal akademik.

PENSYARAH	JUMLAH GERAN
Dr. Henkie Isahwan Ahmad Mulyadi Lai	RM92,000.00
Profesor Madya Dr. Vasudevan	RM107,500.00
JUMLAH KESELURUHAN	RM199,500.00

2. BIASISWA MAIWP

- Kesinambungan kempen bagi menggalakkan pelajar menyambung pengajian dan melestarikan pendidikan terutama di kalangan keluarga daripada golongan asnaf sehingga tahun 2022 dengan Skim Bantuan Biasiswa MAIWP bernilai RM14,563,990.00 yang telah diluluskan dan disalurkan kepada pelajar.
- Namun begitu, bermula 2023 Bantuan Biasiswa MAIWP telah ditambah baik kepada Bantuan Penyelesaian Pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Perubahan konsep bantuan ini membuktikan komitmen berterusan MAIWP melalui UCMI dalam memastikan pendidikan tinggi dilestarikan kepada pelajar asnaf cemerlang khusus kepada mereka yang bermastautin di Wilayah Persekutuan.

AMBILAN	JUMLAH PELAJAR	JUMLAH (RM)
April 2020	25	1,638,000.00
Julai 2020	6	378,000.00
September & Disember 2020	66	4,398,268.00
April 2021	33	1,409,250.00
Julai 2021	29	1,896,122.00
September & Disember 2021	73	3,434,150.00
Pelbagai Ambilan (Semester Semasa)	9	510,750.00
April 2022	17	899,450.00
JUMLAH KESELURUHAN	289	14,563,990.00

Geran Penyelidikan
**FUNDAMENTAL RESEARCH GRANT
SCHEME (FRGS) 2023**

jumlah keseluruhan geran
RM199,500.00

DR. HENKIE ISAHWAN AHMAD Mulyadi Lai
Pensyarah Kiri,
Pusat Pengurusan Penyelidikan

PROF. MADYA DR. VASUDEVAN RAMACHANDRAN
Pusat Penyelidikan dan
Pengembangan

UCMI Official

3. PENGAMBILAN PELAJAR ANTARABANGSA UCMI

- a. Pada tahun 2023, UCMI telah menerima sebanyak 18 pengesahan penerimaan tawaran dari pelajar baharu antarabangsa dengan menjadikan jumlah keseluruhan pelajar seramai 62 orang. Pencapaian ini memperlihatkan usaha UCMI untuk menarik lebih ramai pelajar dari pelbagai negara dengan menjadikan UCMI sebagai institusi pilihan bagi pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian mereka di pelbagai peringkat pengajian.

BIL.	NEGARA	BILANGAN
1	Bangladesh	50
2	Afghanistan	4
3	Kemboja	5
4	Palestin	2
5	Indonesia	1
JUMLAH		62

**Jumlah pelajar adalah berdasarkan pengesahan penerimaan tawaran.

Kelulusan visa adalah tertakluk kepada bidang kuasa EMGS.

4. UCMI KE ARAH UNIVERSITI PENUH

- a. Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI) telah mengambil langkah strategik yang signifikan dalam usaha memperkukuh dan meningkatkan kedudukannya sebagai institusi pendidikan tinggi terkemuka di negara ini. Pada Oktober 2023, UCMI dengan rasminya telah menghantar dokumen kertas konsep naik taraf kepada Universiti Antarabangsa MAIWP (UniMAIWP) kepada Bahagian Standard Swasta, Jabatan Pengajian Tinggi serta mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia pada Julai 2023. Langkah ini adalah selari dengan halatuju Pelan Strategik MAIWP 2021-2025 yang mana salah satu elemen dibawah Blueprint Pendidikan MAIWP adalah menyasarkan Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP sebagai sebuah universiti penuh menjelang tahun 2025.



Kunjungan hormat kepada Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Bin Nordin pada 12 Julai 2023.



Dokumen kertas konsep naik taraf UCMI kepada Universiti Antarabangsa MAIWP (UniMAIWP) dihantar ke Bahagian Standard Swasta, Jabatan Pengajian Tinggi pada 23 Oktober 2023.

5. MOBILISASI DAN PROGRAM DI PERINGKAT ANTARABANGSA

- a. Pada tahun 2023, UCMI terus mengukuhkan jaringan kerjasama di peringkat global melalui pelbagai kolaborasi strategik dan penganjuran program bertaraf antarabangsa. UCMI telah menganjurkan ASEAN Inbound Mobility 2023 (AIM 2023) yang berlangsung pada 1 hingga 16 Oktober 2023. AIM 2023 ini telah menyaksikan penyertaan lebih 150 orang pelajar dan delegasi dari negara ASEAN. Program ini bertujuan memperkukuh integrasi serantau melalui pendidikan dan memupuk persefahaman budaya antara pelajar dari pelbagai negara ASEAN.



Lawatan delegasi AIM 2023 ke Dataran Merdeka, Kuala Lumpur



Khidmat Komuniti Delegasi AIM 2023 di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur

- b. Selain itu, UCMI juga turut menganjurkan buat kali ke-2 persidangan *International Conference on Science, Technology, Education and Management (InSTEM 2023)* pada 5 Oktober 2023 bertempat di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Persidangan ini telah berjaya menarik penyertaan daripada 5 negara ASEAN ini menyediakan platform kepada para penyelidik, ahli akademik, dan industri untuk berkongsi penemuan terkini dan membina kerjasama berterusan dalam bidang sains, teknologi, pendidikan dan pengurusan.
- c. Selain itu, UCMI turut berjaya menganjurkan *Philippines Outbound Mobility Program* pada Julai 2023 yang memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pengalaman pembelajaran dan latihan di luar negara. Seramai 20 pelajar dari pelbagai program telah menyertai program ini yang diadakan di Manila, Filipina. Selain itu, program ini juga bukan sahaja meningkatkan pengalaman pendidikan pelajar tetapi juga memperkukuh jaringan kerjasama akademik antara UCMI dan universiti di Filipina.



Antara peserta InSTEM 2023 dari Our Lady of Fatima University, Filipina.



Lawatan akademik ke Our Lady of Fatima University, Venzuela, Filipina



InSTEM 2023 telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Pengurusan Pendidikan dan Penyelidikan), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Yang Berbahagia Datuk Profesor Dr. Norzaini Azman.



Majlis menandatangani memorandum persefahaman diantara UCMI dan Our Lady of Fatima University.

- d. UCMI melalui Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak telah menganjurkan Festival Hari Kanak-Kanak Sedunia 2023 pada 18 dan 19 November yang telah berlangsung dengan penuh meriah dengan menampilkan pelbagai aktiviti untuk meraikan hak dan kebajikan kanak-kanak. Dalam program ini juga, UCMI telah menerima pengiktirafan daripada Malaysian Book of Records (MBOR) bagi mencatatkan rekod jumlah peserta terbanyak dalam persembahan ukulele. Pengiktirafan ini sudah pasti mencipta nama buat UCMI serta memberi pengalaman baharu kepada mahasiswa dalam penganjuran program berskala.



710 mahasiswa UCMI terlibat dalam catatan rekod peserta terbanyak dalam persembahan ukulele yang diiktiraf oleh The Malaysia Book of Records (MBOR).

6. PEMERKASAAN SAYAP PERNIAGAAN UCMI

- Profesional Centre of Consultancy & Lifelong Learning (PROCELL) UCMI terus melangkah jauh melalui penawaran program-program berbentuk sijil profesional, latihan dan bengkel. PROCELL merupakan pusat perundingan dan penyedia latihan berdaftar di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Kementerian Sumber Manusia) atau HRDC.
- PROCELL merupakan sebuah unit yang ditubuhkan pada April 2021 dibawah Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP. Objektif dan matlamat PROCELL adalah untuk menggalakkan kecemerlangan dalam prestasi organisasi dan pembangunan modal insan. PROCELL menyediakan penyelesaian bersepadu untuk pembangunan modal insan bagi memenuhi keperluan industri dan perkhidmatan.

- Antara program dan sijil yang ditawarkan di PROCELL adalah seperti berikut:
 - Professional Certificate of Nutritional Medicine
 - Professional Certificate of Restorative Medicine: Pillar of Health
 - Professional Healthcare Assistant Programme
 - Microsoft Excel: Advanced Level for Management Planning
 - Applied Ultrasound Planning
 - The Oxford: Strategic Leadership Programme
 - Leading & Communicating For Influence - Australia Institute of Management Western Australia (AIM WA).
 - German Intensive Course
 - Kursus Pembangunan



Pelepasan Peserta Program German Nursing Career ke Jerman pada 17 Julai 2023, para pelajar ini merupakan alumni UCMI dari pelbagai program yang telah berjaya menamatkan program bahasa selama 6 bulan seterusnya akan memulakan karier dalam bidang mereka di Jerman.

7. PELANTIKAN CANSELOR DAN PRO CANSELOR PERTAMA UCMI

- Pada tahun 2023, UCMI menyaksikan pelantikan pertama dua tokoh terkemuka sebagai pemimpin utama institusi. Tan Sri Azman Hashim dilantik sebagai Canselor Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI), manakala Profesor Emerita Datuk Dr. Asma Ismail dilantik sebagai Pro-Canselor.




- b. Pemilihan Tan Sri Azman Hashim sebagai Canselor adalah berdasarkan pencapaian cemerlang beliau dalam industri kewangan serta sumbangannya kepada pembangunan ekonomi negara. Sebagai pengasas Ambank, beliau terkenal dengan kejayaan membangunkan bank tersebut hingga menjadi entiti yang dihormati dalam sektor kewangan tempatan.



- c. Sementara itu, Profesor Emerita Datuk Dr. Asma Ismail dilantik sebagai Pro-Canselor atas sumbangan signifikan beliau dalam bidang pendidikan tinggi dan sains. Kepakaran beliau dalam penemuan saintifik telah menghasilkan beberapa paten antarabangsa dan teknologi diagnostik yang diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

8. ULANG TAHUN KE-30 PENUBUHAN UCMI

- a. Tahun 2023 juga merupakan tahun yang penting buat Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI), yang mana ianya merupakan ulang tahun ke-30 penubuhannya. Sejak penubuhan awalnya pada tahun 1993 sebagai Pusat Latihan Jururawat di bawah pengurusan Hospital Pusrawi, UCMI telah melalui perjalanan transformasi yang amat berharga. Transformasi ini mencerminkan dedikasi berterusan institusi dalam menyediakan pendidikan berkualiti dan menyokong pembangunan generasi masa depan.
- b. Bermula dengan sebagai Pusat Latihan Jururawat yang menyediakan latihan kepada pembantu klinik dan pembantu jururawat dan pada tahun 1998, Kolej Kejururawatan Pusrawi (KKP) mula menawarkan program Diploma Kejururawatan, yang merupakan perkembangan penting dalam memperluaskan tawaran akademik.
- c. Pada tahun 2003, Syarikat Anggun Mulia SDN BHD ditubuhkan untuk mentadbir urus KKP serta sebagai langkah ke arah struktur pengurusan yang lebih teratur. Lima tahun kemudian, pada tahun 2008, KKP berjaya memperoleh akreditasi penuh dari MQA dan Lembaga Jururawat Malaysia (LJM) bagi program Diploma Kejururawatan, yang telah mengukuhkan statusnya dalam bidang pendidikan kejururawatan.



Memorabilia Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (1993-2023)

- d. Perubahan nama kepada Kolej Sains Perubatan Antarabangsa Pusravi (PICOMS) pada tahun 2010 menandakan fasa baru dalam pengembangan institusi sebagai sebuah kolej dan pada tahun 2018, PICOMS telah dinaik taraf kepada kolej universiti. Seterusnya, proses penjenamaan semula telah berlaku pada tahun 2022 yang PICOMS telah dijenamakan semula sebagai Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (University College of MAIWP International).



- e. Pelancaran logo rasmi sambutan 30 Tahun UCMF pada 21 Mac 2023 yang telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Naib Canselor, Profesor Dr. Wan Mohd Azizi Wan Sulaiman. Sambutan 30 tahun penubuhan UCMF ini bukan sahaja meraikan perjalanan panjang institusi ini, tetapi juga mencerminkan komitmennya dalam menyediakan pendidikan berkualiti dan menyumbang kepada masyarakat agar ianya selari dengan misi dan visi MAIWP iaitu menjadi peneraju kesejahteraan ummah secara holistik melalui pendekatan lestari.
- f. Antara acara utama sambutan 30 Tahun UCMF adalah penganjuran program larian UCMF Friendship Run 2023 yang telah berlangsung di Dataran Kampus Bandar, Jalan Tangsi, Kuala Lumpur. Acara ini telah mendapat penyertaan lebih 500 peserta yang terdiri daripada warga UCMF serta orang awam.

► MAIWP DAGANG

MAIWP DAGANG SDN. BHD.


TARAF DITUBUHKAN	► Syarikat Sendirian Berhad
MODAL BERBAYAR	► 27 September 2011
EKUITI MAIWP	► RM 3 Juta
AKTIVITI	► 100 %
IBU PEJABAT	► Menjalankan perniagaan Kedai Rakyat MAIWP
NO. TELEFON	► 25, Jalan DBP 2, Dolomite Bussiness Park, 51100 Batu Caves, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
	► 03 - 4050 7886 / 03 - 4045 7885

MAIWP Dagang bertanggungjawab menguruskan Kedai MAIWP dan menjalankan pelbagai perkhidmatan pembekalan.

Kedai Rakyat MAIWP (KRM)

1. KRM Presint 5
KA-03 (BLOK 4) Apartment Fasa 5R6,
Jalan Presint 5,
62200 Putrajaya, Malaysia
No. Tel : 03-8893 5566
2. KRM Presint 9
Aras Bawah, Blok B2, Pangsapuri Kerajaan Fasa 8,
(PT 1452) Jalan P9C, Presint 9,
62250 Putrajaya, Malaysia
No. Tel : 03-8861 8028
3. KRM Labuan
W.P, SP16 GANGGARAK PERMAI,
Jalan Pohon Batu,
87008 Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan
No. Tel : 010-535 8732

HASIL JUALAN MAIWP DAGANG SDN BHD
TAHUN 2019-2023



Selain daripada menguruskan Kedai Rakyat MAIWP, MAIWP Dagang juga terlibat dalam jualan barang, perolehan pembekalan dan pengagihan susu UHT.

MAIWP Dagang sentiasa meneroka peluang-peluang lain dalam mengembangkan perniagaan Syarikat seperti menyertai pelbagai sebut harga dan tender yang ditawarkan dalam pasaran yang berkait rapat dengan bidang-bidang yang telah didaftarkan di bawah Kementerian Kewangan.

► MAIWP HEALTHCARE

MAIWP Healthcare Sdn. Bhd. (MHC) mula beroperasi sepenuhnya pada Mac 2017. Terdapat 4 buah klinik yang diuruskan iaitu:

MAIWP HEALTHCARE SDN. BHD.	
TARAF DITUBUHKAN	► Sendirian Berhad
MODAL BERBAYAR	► 20 Oktober 2016
EKUITI MAIWP	► RM100,000.00
AKTIVITI	► Menyediakan perkhidmatan dan kemudahan klinik serta rawatan perubatan kepada masyarakat
IBU PEJABAT	► Klinik PUSRAWI Jalan Sultan Azlan, 51200 Kuala Lumpur
NO. TELEFON	► 03- 4040 0425 / 03-4050 0441

MAIWP Healthcare Sdn. Bhd. (MHC) mula beroperasi sepenuhnya pada Mac 2017. Terdapat 4 buah klinik yang diuruskan iaitu:

1. Klinik Jalan Sultan Azlan Shah
2. Klinik Taman Permata
3. Klinik Menara Felda
4. Klinik Bandar Baru Selayang

Sepanjang tahun 2023, seramai 30,151 pesakit telah mendapatkan rawatan di klinik-klinik tersebut dengan jumlah hasil jualan sebanyak RM6.99 juta.

Perbandingan Pesakit MHC Tahun 2022 dan 2023 mengikut Klinik



Pada yang sama, MHC juga bertindak sebagai saluran kepada Hospital PUSRAWI bagi rujukan kes pesakit kepada Hospital PUSRAWI pada tahun 2023 sebanyak 837 kes berbanding tahun 2022 sebanyak 1,052 kes. Secara tidak langsung, MHC juga membantu dan mempromosi peningkatan ekonomi dan jualan Hospital PUSRAWI.



Perlesenan:-

- 1.1 Melalui program perlesenan, Klinik PUSRAWI telah mengembangkan lagi perniagaan di luar Wilayah Persekutuan dan Selangor di mana beberapa cawangan telah dibuka di Seremban dan Perak.
- 1.2 Bagi tahun 2023, MHC telah menambah 6 buah klinik di bawah program Licensing seperti berikut:

Klinik GP (3 buah)

1. Wangsa Maju (Februari)
2. Bukit Jalil (April)
3. Taman Bukit Teratai Ampang (Disember)

Klinik Gigi (2 buah)

1. Meru Perak (Januari)
2. Klang (Januari)

Pusat Rehab

1. Kota Warisan (Ogos)

Secara keseluruhan, MHC telah membuka sebanyak 19 buah klinik PUSRAWI (10 GP, 3 Pusat Rehabilitasi, 2 Klinik Pergigian) sejak menjalankan Program Licensing daripada tahun 2020 sehingga 2023.

Program CSR :-

2.1 Melalui program CSR, MHC telah menganjurkan program-program kesihatan masyarakat seperti pemeriksaan kesihatan percuma dan kempen kesedaran kesihatan. Ini telah meningkatkan akses masyarakat kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti terutamanya kepada asnaf-asnaf yang merupakan penerima bantuan MAIWP.

2.2 Program CSR yang melibatkan asnaf-asnaf MAIWP adalah untuk meningkatkan kesedaran mereka tentang kepentingan gaya hidup sihat, pencegahan penyakit, dan pengesanan awal keadaan perubatan. Pemeriksaan kesihatan yang dijalankan dari rumah ke rumah asnaf dapat mengurangkan dan membantu mereka untuk mendapatkan rawatan dengan bantuan perubatan yang diperuntukkan oleh MAIWP.

BERIKUT MERUPAKAN KLINIK DI BAWAH PENGURUSAN MAIWP HEALTHCARE SDN BHD



▲ JALAN IPOH



▲ BANDAR BARU SELAYANG



▲ TAMAN PERMATA



▲ MENARA FELDA

KLINIK DI BAWAH PROGRAM LICENSING YANG TELAH BEROPERASI: KLINIK PUSRAWI (GP)



▲ BATU MUDA



▲ TAMAN SAMUDRA



▲ KOMPLEKS AMANIAH



▲ DENGKIL



▲ SS15 SUBANG JAYA



▲ ECO MAJESTIC



▲ BANDAR SEREMBAN



▲ TAMAN BUKIT TERATAI




▲ BANDAR SEREMBAN



▲ TAMAN BUKIT TERATAI

KLINIK PERGIGIAN PUSRAWI



▲ MERU, PERAK



▲ JALAN KEBUN KLANG

KLINIK PERGIGIAN PUSRAWI



▲ JALAN IPOH



▲ BANDAR SRI PUTRA



▲ KOTA WARISAN



BARISAN PENGURUSAN

BARISAN PENGURUSAN 2023



**DATUK MOHD NIZAM
BIN HAJI YAHYA**
PEMANGKU KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIF



MOHD FAUZI BIN ABDIN
TIMBALAN KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF (PENGURUSAN)

PENGURUS-PENGURUS BAHAGIAN



**ABD KARIM BIN
MOHAMED @ ISMAIL**
BAHAGIAN
PEMBANGUNAN
DAN PENGURUSAN
HARTANAH



**ZARINA BINTI
HAMZAH**
UNIT INTEGRITI



**AHMAD TALMIZI BIN
YAHAYA**
BAHAGIAN AGIHAN
ZAKAT



**WAN AZIRA BINTI
WAN SALLEH**
BAHAGIAN KHIDMAT
PENGURUSAN



**NOOR FADZILAH BINTI
SHAFIE**
BAHAGIAN KEWANGAN
DAN PELABURAN



**FARIZAH BINTI
KAMARUDDIN**
BAHAGIAN
PEMBANGUNAN
SUMBER MANUSIA



**AHMAD SAIFUDDIN
BIN HJ MD TAHIR @
TWAHIR**
BAHAGIAN
PEMBANGUNAN ASNAF



**AFFANDEY BIN
YAAKUB**
BAHAGIAN
PEMBANGUNAN INSAN



**NOR AZLINA BINTI
MOHAMAD SALLEH**
BAHAGIAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT



**ANIZA BINTI
ABDULLAH**
UNIT AUDIT DALAM



**WAN MOHD SANUSI
BIN WAN MOHD NOOR**
UNIT UNDANG-
UNDANG



**MOHD HANIFF BIN
SALIM**
UNIT KOMUNIKASI
KORPORAT



**MD FADZLI BIN
MD SAAD**
MAIWP CAWANGAN
LABUAN



AZRI BIN IBERAHIM
MAIWP CAWANGAN
PUTRAJAYA



LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Kandungan

89

**Penyata Pengerusi
dan Seorang Ahli
Majlis**

90

**Pengakuan oleh
Pegawai Utama yang
Bertanggungjawab
ke Atas Pengurusan
Kewangan Majlis**

91

**Penyata Kedudukan
Kewangan**

97

**Penyata
Prestasi
Kewangan**

101

**Penyata
Perubahan
Dana Amanah**

104

**Penyata Aliran
Tunai**

111

**Nota-Nota
kepada Penyata
Kewangan**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dana Amanah serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 98.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Piawaian Perakaunan Islam Bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) - Pembentangan Penyata Kewangan dan keperluan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Majlis, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Piawaian Perakaunan Islam Bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) - Pembentangan Penyata Kewangan dan keperluan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505]. Anggota Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan, Anggota Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

